Resam Uthmani Bahasa Melayu

JUZ 1

AL-QURAN AL-KARIM

TERJEMAHAN PERKATA & TAJWID BERWARNA



AL-QURAN PERKATA KAEDAH BERWARNA

Al-Quran Terjemahan Perkata Berwarna yang Tidak Terpisah Pada Ayat dan Lebih Mudah Dibaca

AR-RIYADH

Saiz B5 SEDANG

Al-Quran Terjemahan Perkata Berwarna yang Tidak Terpisah Pada Ayat

Dilengkapi dengan Asbabunnuzul, Hadis Sahih, Riyadus Salihin, dan Kamus Bahasa Al-Quran

AL-QURAN PER JUZUK



KARYA BESTARI




AL-QURAN AL-KARIM

(PERKATA KAEDAH BERWARNA)

JUZ 1

KDN:PQ/Q. 1001/2.2/QA/576/45/2014



SENARAI AHLI LAJNAH TASHEH AL-QURAN
KEMENTERIAN DALAM NEGERI
SESI 2013-2014

1. Dato' Sheikh Mohamad Nor bin Mansor (Pengerusi)
2. Ustaz Haji Azhari bin Othman (Timbalan Pengerusi)
3. Dato' Haji Sha'ari @ Shangari bin Abdullah
4. Dato' Haji Solahudin bin Omar
5. Dato' Hj. Mohammad bin Hashim
6. Dr. Haji Khairul Anuar bin Mohamad
7. Dr. Haji Sedek bin Ariffin
8. Ustaz Haji Shaharuddin bin Pangilun
9. Ustaz Haji Ilham bin Ehsan
10. Ustaz Haji Ahmad bin Hj Hashim
11. Ustaz Hj Zaher Rudin bin Mokhtar
12. Ustaz Mohamed Tahir bin Abdul Manap
13. Ustaz Shafie bin Shaari
14. Ustaz Haji Othman bin Hamzah
15. Ustaz Haji Ab. Rahim bin Md Zain
16. Ustaz Haji Hashim bin Othman
17. Ustaz Wan Ahmad Alauddin bin Haji A. Rahman
18. Ustaz Sheikh Haji Roslan bin Haji Abdul Halim
19. Ustaz Mazlan bin Mohd Zaini
20. Ustaz Aizi Saidi bin Abd Aziz
21. Ustaz Khairuddin bin Mohamed
22. Ustaz Ku Apwa bin Ku Ibrahim
23. Ustaz Shukri bin Sarkawi
24. Ustaz Makhadzir bin Abdan
25. Ustaz Haji Muhammad Helmi bin Ismail
26. Ustaz Zanizan bin Ismail
27. Ustaz Haji Ibrahim bin Kisab
28. Ustaz Haji Murshidi bin Abd. Hamid
29. Ustaz Haji Roslan bin Hussain
30. Ustaz Haji Ahmad Ismail Hafizul Azim bin Ismail
31. Ustaz Haji Shalahudin bin Marzuki
32. Ustaz Zainuddin bin Zakaria
33. Ustaz Aris bin Jamin
34. Ustaz Rahim Yaya bin Abd. Rahman
35. Ustaz Mohd Faizal bin Tan Mutalib



KARYA BESTARI SDN. BHD

Lot 26, Jalan Renggam 15/5, Off Persiaran Selangor, Seksyen 15, 40200 Shah Alam Selangor, Malaysia.
Phone: 03-5101-3888, Fax: 03-5101-3601



AL-QURAN AL-KARIM

AL-QURAN PERKATA KAEDAH BERWARNA

Kaedah Belajar Terjemahan Al-Quran
dengan Cara diwarnakan Setiap Perkataan atau Kalimah
pada Ayat-ayat Al-Quran Dalam Bahasa Arab dan Bahasa Malaysia

Penerbit
Dato' (Dr) Hussamuddin Haji Yaacub

Pengurus Penerbitan al-Quran Karya Bestari
Ahmad Yani Abd Manaf

Penyelaras Penerbitan
Usman el-Qurtuby

Penyelaras Isi Kandungan
Andi Subarkah, Iwan Setiawan

Editor
Khairul Naim bin Mansor, Mohd Irsyadi bin Abu Bakar,
Heri Mahbub Nugraha, Abu Faries,
Kamil Nursobah, Suyud Koswara

Konsep Rekabentuk
Abu Dhiya, MC Sodikin
Arif Muslian

Rekabentuk
Syahid Ayah Syahdan, Nana Abu Hamka, Diki Bapa Afiz
Deni Abi Fatih

Penyelaras Akhir
Grup Buku Karya Bestari

Diterbit oleh:



KARYA BESTARI SDN. BHD
Lot 26, Jalan Renggam 15/5,
Off Persiaran Selangor, Seksyen 15,
40200 Shah Alam Selangor, Malaysia.
Phone: 03-5101-3888, Fax: 03-5101-3601
E-mail: karya.bestari@karangkraf.com

Dicetak oleh:



ULTIMATE PRINT SDN. BHD.
Lot 2, Jalan Sepana 15/3,
Off Persiaran Selangor Seksyen 15,
40200 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan.
Tel : 03-51013388

Syarikat Usaha Sama
PT CORDOBA INTERNASIONAL INDONESIA



Jl. Setrasari Indah No. 33, Bandung
40152. Jawa Barat, Indonesia.
Phone. 022-2008776/Fax. 022-2013097

Diedarkan



Lot 26, Jalan Renggam 15/5,
Off Persiaran Selangor, Seksyen 15,
40200 Shah Alam Selangor, Malaysia.
Phone: 03-5101-3888, Fax: 03-5101-3601

Cetakan Ke-3, Disember 2018 SM2J-20-12180.

Jika anda menemukan kesalahan cetak dalam al-Quran ini, mohon menukarkannya kepada penerbit atau di kedai tempat anda membelinya.

KATA PENGANTAR

بسم الله الرّحمن الرّحيم

Puji syukur kami panjatkan kehadirat Allah SWT. atas kurnia dan rahmat-Nya yang telah menurunkan al-Quran sebagai panduan bagi seluruh manusia. Selawat serta salam sentiasa tersemat buat junjungan Nabi Muhammad SAW., keluarga, sahabat, dan para pengikut Baginda.

Semoga naskah ini dapat membantu dan memberi kemudahan bagi yang mempelajari al-Quran serta membimbing pembaca agar tidak terjadi kesalahan disamping mendorong pembaca untuk berdikari mempelajarinya adalah antara tujuan penting al-Quran ini diterbitkan.

New Revolution al-Quran Perkata Warna ini, adalah sebuah **Metode atau Panduan Belajar Terjemahan Perkata dengan kaedah diberi warna pada setiap patah perkataan ayat-ayat al-Quran di dalam Bahasa Arab dan Bahasa Malaysia** pula tepat dibawah khat tanpa dipisah atau dipotong pada khat dan tulisan Arabnya.

Dengan pengukuhan kata dan tiadanya dipisah khat itu maka ia dapat memberikan kelebihan dan ketenangan dalam membaca kalimah Arab yang lebih besar berbanding yang kebiasaannya terpisah. Ditambah pula dengan kandungan **Asbabunnuzul, Hadis Sahih, Riyadus Salihin**, dan kosakata bahasa al-Quran yang disebut dengan **Mu'jam (kamus)**, semakin menambah nilai produk ini.

Al-Quran Perkata Kaedah Warna ini telah disemak dan mendapat kelulusan **Lajnah Tashih** al-Quran, Kementrian Dalam Negeri Malaysia seperti yang tertera dalam naskah ini.

Selain itu, hak cipta al-Quran Terjemah Per Kata ini telah dipelihara dan dilindungi oleh undang-undang.

Terima kasih yang tidak terhingga juga kami sampaikan kepada para asatiz dan seluruh tim teknikal Karya Bestari CORDOBA atas segala usaha yang dilakukan. Demikian juga kepada pihak Kementrian Dalam Negeri (KDN) Malaysia dan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), kami mengucapkan terima kasih di atas segala sokongan dan panduan serta semakan sehingga al-Quran ini dapat hadir di sisi umat islam.

Harapan terbesar kami, semoga al-Quran ini dapat diterima oleh umat dan semakin mudah untuk mengaplikasikannya sebagai matlamat pembentukan peribadi-peribadi qur'ani.

ونسأل الله تعالى أن ينفع بها القراء وأن يجعل أعمالنا خالصة لوجهه الكريم،

وصلّى الله وسلّم على سيّدنا محمّد و آله وصحبه أجمعين.

PANDUAN TRANSLITERASI

I. Konsonan Tunggal

No.	Arab	Latin
1.	ا	Tidak dilambang-kan
2.	ب	b
3.	ت	t
4.	ث	ṡ
5.	ج	j
6.	ح	ḥ
7.	خ	kh
8.	د	d
9.	ذ	ż
10.	ر	r
11.	ز	z
12.	س	s
13.	ش	sy
14.	ص	ṣ
15.	ض	ḍ
16.	ط	ṭ
17.	ظ	ẓ
18.	ع	‘
19.	غ	g
20.	ف	f
21.	ق	q
22.	ك	k
23.	ل	l
24.	م	m
25.	ن	n
26.	و	w
27.	ه	h
28.	ء	’
29.	ي	y

II. Huruf Ganda

Huruf ganda, ditandai tasydid, ditulis rangkap.

Contoh	Dibaca Latin
إِنَّهُمْ	I*nn*ahum
رَبُّكُمْ	Ra*bb*ukum
تَبَيَّنَ	Taba*yy*ana

III. Ta Marbutah di Akhir Kata

1. Apabila *sukun*, ditulis h, kecuali kalimah Arab yang sudah diserap menjadi Bahasa Melayu, seperti solat, zakat, dan sebagainya.

Contoh	Dibaca Latin
اَلْقَارِعَةُ	Al-Qāri‘a*h*
مُمَدَّدَةٍ	Mumaddada*h*

2. Apabila dihidupkan, ditulis ’t‘
Contoh:

Contoh	Dibaca Latin
حَمَّالَةَ الْحَطَبِ	Hammāla*t*al ḥaṭab
هُمَزَةٍ لُّمَزَةٍ	Humaza*t*il lumazah

IV. Vokal Pendek

Harakat *fathah* ditulis a, harakat *kasrah* ditulis i, dan harakat *dammah* ditulis u.

Fathah	*a*	أَحَدَ = ahad*a*
Kasrah	*i*	مَلِكِ = malik*i*
Dammah	*u*	كَسَبُ = kasab*u*

V. Vokal Panjang

Vokal "a" panjang ditulis "ā", "i" panjang ditulis "ī", dan "u" panjang ditulis "ū".

اَ	ā	قَالَ = *qāla*
اِي	ī	قِيلَ = *qīla*
أُو	ū	يَقُولُ = *yaqūlu*

VI. Diftong

أَوْ	*au*	خَوْفٍ = kh*au*fin
أَيْ	*ai*	خَيْرَ = *khaira*

VII. Apostrof

Vokal-vokal pendek yang berurutan dalam satu kata, dipisahkan dengan tanda (’)

Contoh:

ءَأَنذَرْتَهُمْ	*a’anzartahum*
أُولَٰٓئِكَ	*Ulā’ika*

VIII. Huruf Besar

Penulisan huruf besar disesuaikan dengan ejaan.

PANDUAN PERKATA
DAN TAJWID KAEDAH BERWARNA

Panduan Perkata Kaedah Berwarna

Mad Silah Tawilah 4 Harakat

Ikhfa 2 harakat

Idhgam Bighunnah 2 Harakat

Mad Wajib Muttasil 4, 5 Harakat

Qalqalah

Ghunnah 2 Harakat

Mad Lazim Kalimi Mutsaqqal 6 Harakat

Mad Asli/ Mad Thabi'i 2 Harakat

Ikhfa Syafawi 2 Harakat

Tidak Dilafazkan

Mad Lazim Harfi Mukhaffaf 6 Harakat

Idgham Bila Ghunnah

Mad Jaiz Munfasil 2, 4 Harakat

Izhar

Idgham Mithlain 2 Harakat

Mad Aridh Lissukun 2, 4, 6 Harakat

Iqlab 2 Harakat

Panduan Warna | Hitam = Perkata | Emas = Perkata

10. Yunus: 107 – 109 | 11. Hud: 1 – 5

هُود 221

107. Dan jika Allah menimpakan suatu bencana kepadamu, maka tidak ada yang dapat menghilangkannya kecuali Dia. Dan jika Allah menghendaki kebaikan bagi kamu, maka tidak ada yang dapat menolak kurniaan-Nya. Dia memberikan kebaikan kepada sesiapa sahaja yang Dia kehendaki di antara hamba-hamba-Nya. Dia Maha Pengampun, lagi Maha Penyayang.

108. Katakanlah (Muhammad), "Wahai manusia! Telah datang kepadamu kebenaran (al-Quran) daripada Tuhanmu, maka barang siapa mendapat petunjuk maka sebenarnya (petunjuk itu) untuk (kebaikan) dirinya sendiri. Dan barang siapa sesat, sesungguhnya kesesatannya itu (membinasakan) dirinya sendiri. Dan aku bukanlah pemelihara dirimu."

109. Dan ikutilah apa yang diwahyukan kepadamu, dan bersabarlah sehingga Allah memberikan keputusan. Dialah hakim yang terbaik.

HUD
Makkiyyah
Surah Ke-11: 123 ayat

JUZ 11 — 11. HUD

Dengan nama Allah Yang Maha Pemurah, lagi Maha Penyayang.

1. *Alif Laam Raa.* (Inilah) Kitab yang ayat-ayatnya disusun dengan rapi kemudian dijelaskan secara terperinci,[393] (yang diturunkan) daripada sisi (Allah) Yang Maha Bijaksana, lagi Maha Teliti,

2. agar kamu tidak menyembah selain Allah. Sesungguhnya aku (Muhammad) adalah pemberi peringatan dan pembawa berita gembira daripada-Nya untukmu,

3. dan hendaklah kamu memohon keampunan kepada Tuhanmu dan bertaubat kepada-Nya, nescaya Dia akan memberikan kenikmatan yang baik kepadamu sehingga waktu yang telah ditentukan. Dan Dia akan memberikan kurniaan-Nya kepada setiap orang yang melakukan kebaikan. Dan jika kamu berpaling maka sesungguhnya aku takut kamu akan ditimpa azab pada hari yang besar (kiamat).

4. Kepada Allah-lah kamu akan kembali. Dia Maha Berkuasa atas segala sesuatu.

5. Ingatlah, sesungguhnya mereka (orang-orang munafik) memalingkan dada untuk menyembunyikan diri daripadanya (Muhammad).[394] Ingatlah, ketika mereka menyelimutkan dirinya dengan kain, Allah mengetahui apa yang mereka sembunyikan dan apa yang mereka nyatakan, sesungguhnya, Allah Maha Mengetahui (segala) isi hati.

393. Diperincikan atas beberapa jenis, ada yang mengenai tauhid, hukum, kisah, akhlak, ilmu pengetahuan, janji dan peringatan, dan lain-lain, disusun surah demi surah, ayat demi ayat, dan seterusnya.

394. Menyembunyikan perasaan permusuhan dan kemunafikan mereka terhadap Nabi Muhammad SAW.

Tidak dilafazkan	Mad Jaiz Munfasil	Mesti berhenti
Mad Thabi'i	Mad Lazim/Farq	Lebih utama berhenti
Mad Aridh Lissukun	Qalqalah	Boleh berhenti
Idgham	Iqlab	Boleh berhenti pada salah satu tanda
Ikhfa	Mad Silah Tawilah	Lebih utama meneruskan bacaan
Izhar	Ghunnah	Dilarang berhenti
Mad Wajib Muttasil	Bila Ghunnah	


القرآن الكريم


بسم الله الرحمن الرحيم



AL-FATIHAH
Makkiyyah
Surah ke-1: 7 ayat

JUZ 1

1. Dengan nama Allah Yang Maha Pemurah, Maha Penyayang.
2. Segala puji bagi Allah, Tuhan seluruh alam.
3. Yang Maha Pemurah, Maha Penyayang.
4. Pemilik hari pembalasan.[1]
5. Hanya kepada Engkaulah kami menyembah dan hanya kepada Engkaulah kami mohon pertolongan.
6. Tunjukilah kami jalan yang lurus,[2]
7. (iaitu) jalan orang-orang yang telah Engkau beri nikmat kepadanya; bukan (jalan) mereka yang dimurkai, dan bukan (pula jalan) mereka yang sesat.[3]

---

1. *Yaumiddīn* (hari pembalasan), hari ketika manusia menerima pembalasan amalnya, sama ada baik atau buruk. Disebut juga *Yaumul Qiyāmah*, *Yaumul Ḥisāb*, dan sebagainya.
2. Jalan yang lurus, iaitu jalan hidup yang benar, yang dapat membuat bahagia di dunia dan di akhirat.
3. Mereka yang dimurkai, adalah mereka yang sengaja menentang ajaran Islam. Mereka yang sesat adalah mereka yang sengaja mengambil jalan lain selain ajaran Islam.

سُورَةُ ٱلۡبَقَرَةِ

بِسۡمِ ٱللَّهِ ٱلرَّحۡمَٰنِ ٱلرَّحِيمِ

الٓمٓ ﴿١﴾ ذَٰلِكَ ٱلۡكِتَٰبُ لَا رَيۡبَۛ فِيهِۛ هُدٗى

Alif Laam Miim | 1 | itulah | Kitab (Al-Quran) | tidak (ada) | keraguan | di dalamnya | (sebagai) petunjuk

لِّلۡمُتَّقِينَ ﴿٢﴾ ٱلَّذِينَ يُؤۡمِنُونَ بِٱلۡغَيۡبِ وَيُقِيمُونَ

bagi orang-orang bertakwa | 2 | (iaitu) orang-orang yang | mereka beriman | dengan hal gaib | dan (mereka) mendirikan

ٱلصَّلَوٰةَ وَمِمَّا رَزَقۡنَٰهُمۡ يُنفِقُونَ ﴿٣﴾

solat | dan dari sebahagian | yang telah Kami rezekikan kepada mereka | mereka menginfakkan | 3

وَٱلَّذِينَ يُؤۡمِنُونَ بِمَآ أُنزِلَ إِلَيۡكَ وَمَآ أُنزِلَ مِن

dan orang-orang yang | mereka beriman | terhadap apa yang | telah diturunkan | kepadamu | dan apa yang | telah diturunkan | dari

قَبۡلِكَ وَبِٱلۡأٓخِرَةِ هُمۡ يُوقِنُونَ ﴿٤﴾ أُوْلَٰٓئِكَ عَلَىٰ

sebelum kamu | dan terhadap akhirat | mereka | mereka yakin | 4 | mereka itulah | atas

هُدٗى مِّن رَّبِّهِمۡۖ وَأُوْلَٰٓئِكَ هُمُ ٱلۡمُفۡلِحُونَ ﴿٥﴾

petunjuk | dari | Tuhan mereka | dan mereka itulah | orang-orang yang beruntung | 5

AL-BAQARAH
Madaniyyah
Surah ke-2: 286 ayat

Dengan nama Allah Yang Maha Pemurah, Maha Penyayang.

1. *Alif Laam Miim.*[4]
2. Kitab (al-Quran) ini tidak ada keraguan padanya; petunjuk bagi mereka yang bertakwa,[5]
3. (iaitu) mereka yang beriman kepada yang gaib, mendirikan solat, dan menginfakkan[6] sebahagian rezeki yang Kami berikan kepada mereka,
4. dan mereka yang beriman kepada (al-Quran) yang diturunkan kepadamu (Muhammad) dan (kitab-kitab) yang telah diturunkan sebelum engkau[7], dan mereka yakin akan adanya akhirat.
5. Merekalah yang mendapat petunjuk dari Tuhannya, dan mereka itulah orang-orang yang beruntung.

---

4. Beberapa surah dalam al-Quran dibuka dengan huruf abjad seperti *Alif Lām Mīm*, *Alif Lām Rā*, dan sebagainya. Makna huruf-huruf itu hanyalah Allah yang tahu. Ada yang berpendapat bahawa huruf-huruf itu adalah nama surah dan ada pula yang berpendapat bahawa gunanya untuk menarik perhatian, atau untuk mengisyaratkan bahawa al-Quran itu diturunkan dalam bahasa Arab yang tersusun dari huruf-huruf abjad tersebut.
5. Takwa iaitu mengikuti segala perintah Allah dan menjauhi segala larangan-Nya.
6. Pengertian menginfakkan harta di jalan Allah meliputi membelanjakan untuk kepentingan jihad, pembangunan pendidikan, hospital, usaha penyelidikan ilmiah, dan lain-lain.
7. Yang diturunkan kepada nabi-nabi sebelum Nabi Muhammad SAW ialah Taurat, Zabur, Injil, dan *Suḥuf-suḥuf* (lembaran-lembaran) yang tidak seperti kitab.

إِنَّ ٱلَّذِينَ كَفَرُوا۟ سَوَآءٌ عَلَيْهِمْ ءَأَنذَرْتَهُمْ أَمْ لَمْ تُنذِرْهُمْ

sesungguhnya | orang-orang yang | kafir | sama sahaja | bagi mereka | apakah engkau memberi peringatan kepada mereka | atau | tidak | engkau memberi peringatan kepada mereka

لَا يُؤْمِنُونَ ﴿٦﴾ خَتَمَ ٱللَّهُ عَلَىٰ قُلُوبِهِمْ وَعَلَىٰ سَمْعِهِمْ ۖ وَعَلَىٰٓ

mereka tidak akan beriman | 6 | telah menutup | Allah | ke atas | hati mereka | dan ke atas | pendengaran mereka | dan ke atas

أَبْصَـٰرِهِمْ غِشَـٰوَةٌ ۖ وَلَهُمْ عَذَابٌ عَظِيمٌ ﴿٧﴾ وَمِنَ ٱلنَّاسِ

penglihatan-penglihatan mereka | ada penutup | dan bagi mereka | azab | yang sangat berat | 7 | dan di antara | manusia

مَن يَقُولُ ءَامَنَّا بِٱللَّهِ وَبِٱلْيَوْمِ ٱلْـَٔاخِرِ وَمَا هُم بِمُؤْمِنِينَ ﴿٨﴾

ada orang (munafik) | yang berkata | kami telah beriman | kepada Allah | dan kepada hari akhirat (hari pembalasan) | padahal tidak | mereka | termasuk orang-orang beriman | 8

يُخَـٰدِعُونَ ٱللَّهَ وَٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ وَمَا يَخْدَعُونَ إِلَّآ أَنفُسَهُمْ

mereka menipu | kepada Allah | dan orang-orang yang | beriman | padahal tidaklah | mereka menipu | kecuali | (terhadap) diri mereka sendiri

وَمَا يَشْعُرُونَ ﴿٩﴾ فِى قُلُوبِهِم مَّرَضٌ فَزَادَهُمُ ٱللَّهُ مَرَضًا ۖ

dan mereka tidak menyedari | 9 | dalam | hati mereka | terdapat penyakit | maka Allah menambahkan kepada mereka | penyakit (keraguan)

وَلَهُمْ عَذَابٌ أَلِيمٌۢ بِمَا كَانُوا۟ يَكْذِبُونَ ﴿١٠﴾ وَإِذَا قِيلَ لَهُمْ

dan bagi mereka | azab | yang sangat pedih | kerana mereka telah | berdusta | 10 | dan apabila | dikatakan | kepada mereka

لَا تُفْسِدُوا۟ فِى ٱلْأَرْضِ قَالُوٓا۟ إِنَّمَا نَحْنُ مُصْلِحُونَ ﴿١١﴾

janganlah | kamu membuat kerosakan | di | bumi | mereka berkata | hanyalah | kami | orang-orang yang melakukan kebaikan | 11

أَلَآ إِنَّهُمْ هُمُ ٱلْمُفْسِدُونَ وَلَـٰكِن لَّا يَشْعُرُونَ ﴿١٢﴾ وَإِذَا قِيلَ

ketahuilah | sesungguhnya mereka | mereka-lah | orang-orang yang membuat kerosakan | akan tetapi | mereka tidak menyedari | 12 | dan apabila | dikatakan

لَهُمْ ءَامِنُوا۟ كَمَآ ءَامَنَ ٱلنَّاسُ قَالُوٓا۟ أَنُؤْمِنُ كَمَآ ءَامَنَ ٱلسُّفَهَآءُ ۗ

kepada mereka | berimanlah kamu | sebagaimana | telah beriman | manusia (sahabat Nabi) | mereka berkata | patutkah kami beriman | sebagaimana | telah beriman | orang-orang bodoh (itu)

أَلَآ إِنَّهُمْ هُمُ ٱلسُّفَهَآءُ وَلَـٰكِن لَّا يَعْلَمُونَ ﴿١٣﴾ وَإِذَا لَقُوا۟

ketahuilah | sesungguhnya mereka | mereka-lah | orang-orang yang bodoh | akan tetapi | mereka tidak mengetahui | 13 | dan apabila | mereka bertemu

ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ قَالُوٓا۟ ءَامَنَّا وَإِذَا خَلَوْا۟ إِلَىٰ شَيَـٰطِينِهِمْ قَالُوٓا۟ إِنَّا

orang-orang yang | beriman | mereka berkata | kami telah beriman | dan apabila | mereka kembali | kepada | syaitan-syaitan mereka | mereka berkata | sesungguhnya kami

مَعَكُمْ إِنَّمَا نَحْنُ مُسْتَهْزِءُونَ ﴿١٤﴾ ٱللَّهُ يَسْتَهْزِئُ بِهِمْ وَيَمُدُّهُمْ

bersama kamu | sesungguhnya | kami | orang-orang yang memperolok-olokkan | 14 | Allah | akan (membalas) olok-olokan | mereka | dan Dia membiarkan mereka

فِى طُغْيَـٰنِهِمْ يَعْمَهُونَ ﴿١٥﴾ أُو۟لَـٰٓئِكَ ٱلَّذِينَ ٱشْتَرَوُا۟ ٱلضَّلَـٰلَةَ

dalam | kesesatan dan kekufuran mereka | mereka terumbang-ambing | 15 | mereka (itulah) | orang-orang yang | menukar | kesesatan (kekufuran)

بِٱلْهُدَىٰ فَمَا رَبِحَت تِّجَـٰرَتُهُمْ وَمَا كَانُوا۟ مُهْتَدِينَ ﴿١٦﴾

dengan hidayah/petunjuk | maka tidak | beruntung | perniagaan mereka | dan tidak | mereka menjadi | orang-orang yang mendapat petunjuk | 16

Iqlab | Mesti berhenti | Lebih utama meneruskan bacaan | Ghunnah | Boleh berhenti
Mad Silah Tawilah | Lebih utama berhenti | Dilarang berhenti | Bila Ghunnah | Boleh berhenti pada satu tanda

6. Sesungguhnya orang-orang kafir,[8] sama sahaja bagi mereka, sama ada engkau (Muhammad) memberikan peringatan atau tidak kepada mereka, mereka tidak akan beriman.

7. Allah telah mengunci mati hati dan pendengaran mereka,[9] penglihatan mereka telah tertutup, dan mereka akan mendapat azab yang berat.

8. Dan ada di antara manusia yang berkata, "Kami beriman kepada Allah dan hari akhirat," padahal sesungguhnya mereka itu bukanlah orang-orang yang beriman.

9. Mereka hendak menipu Allah dan orang-orang yang beriman, padahal mereka hanyalah menipu diri sendiri tanpa mereka sedar.

10. Dalam hati mereka ada penyakit,[10] lalu Allah menambah penyakitnya itu; dan mereka mendapat azab yang pedih kerana berdusta.

11. Dan apabila dikatakan kepada mereka, "Janganlah membuat kerosakan di bumi!"[11] Mereka menjawab, "Sesungguhnya kami adalah orang-orang yang melakukan kebaikan."

12. Ingatlah, sesungguhnya merekalah yang membuat kerosakan, tetapi mereka tidak menyedarinya.

13. Dan apabila dikatakan kepada mereka,"Berimanlah kamu sebagaimana orang lain telah beriman!" Mereka menjawab "Adakah kami akan beriman seperti orang-orang yang kurang akal itu beriman?" Ingatlah, sesungguhnya mereka itulah orang-orang yang kurang akal, tetapi mereka tidak mengetahui.

14. Dan apabila mereka bertemu dengan orang yang beriman, mereka berkata,"Kami telah beriman." Tetapi apabila mereka kembali kepada syaitan-syaitan (para pemimpin) mereka, mereka berkata, "Sesungguhnya kami bersama kamu, kami hanya berolok-olok."

15. Allah akan (membalas) olok-olokan mereka dan membiarkan mereka terumbang-ambing dalam kesesatan.

16. Mereka itulah yang membeli kesesatan dengan petunjuk. Perniagaan mereka itu tidak menguntungkan dan mereka tidak mendapat petunjuk.

8. Kafir, perkataan jamaknya kuffar, iaitu orang yang tidak percaya kepada Allah, rasul-rasul-Nya, malaikat-malaikat-Nya, kitab-kitab-Nya, dan hari kiamat.

9. Sehingga nasihat atau hidayah tersebut tidak dapat masuk ke dalam hati mereka.

10. Penyakit hati, misalnya ragu-ragu dan tidak yakin akan kebenaran, munafik, dan tidak beriman.

11. Melanggar nilai-nilai yang ditetapkan agama akan mengakibatkan alam ini rosak, bahkan hancur.

12. Pengetahuan dan kekuasaan Allah meliputi orang-orang kafir.

مَثَلُهُمْ كَمَثَلِ ٱلَّذِى ٱسْتَوْقَدَ نَارًا فَلَمَّآ أَضَآءَتْ مَا حَوْلَهُۥ

perumpamaan mereka (dalam kemunafikan) | seperti perumpamaan | orang yang | menyalakan | api (dalam kegelapan) | maka ketika | api itu menerangi | apa yang | ada di sekelilingnya

ذَهَبَ ٱللَّهُ بِنُورِهِمْ وَتَرَكَهُمْ فِى ظُلُمَٰتٍ لَّا يُبْصِرُونَ ﴿١٧﴾ صُمٌّۢ

Allah akan melenyapkan | cahaya mereka | dan membiarkan mereka | dalam | kegelapan (kesesatan) | mereka tidak dapat melihat | 17 | mereka tuli

بُكْمٌ عُمْىٌ فَهُمْ لَا يَرْجِعُونَ ﴿١٨﴾ أَوْ كَصَيِّبٍ مِّنَ ٱلسَّمَآءِ فِيهِ

bisu | buta | maka mereka | tidak dapat kembali | 18 | atau seperti hujan lebat | daripada | langit | padanya

ظُلُمَٰتٌ وَرَعْدٌ وَبَرْقٌ يَجْعَلُونَ أَصَٰبِعَهُمْ فِىٓ ءَاذَانِهِم مِّنَ ٱلصَّوَٰعِقِ

terdapat gelap | dan petir | dan kilat | mereka menjadikan | jari-jari mereka | pada | telinga-telinga mereka | kerana | suara petir

حَذَرَ ٱلْمَوْتِ ۚ وَٱللَّهُ مُحِيطٌۢ بِٱلْكَٰفِرِينَ ﴿١٩﴾ يَكَادُ ٱلْبَرْقُ يَخْطَفُ

disebabkan takut | pada kematian | dan Allah | meliputi | terhadap orang-orang kafir | 19 | hampir sahaja | kilat itu | menyambar

أَبْصَٰرَهُمْ ۖ كُلَّمَآ أَضَآءَ لَهُم مَّشَوْا۟ فِيهِ وَإِذَآ أَظْلَمَ عَلَيْهِمْ قَامُوا۟ ۚ

penglihatan-penglihatan mereka | setiap kali | (kilat) menyinari | terhadap mereka | mereka berjalan | di dalamnya | dan apabila | gelap menyelubungi | ke atas mereka | mereka berhenti

وَلَوْ شَآءَ ٱللَّهُ لَذَهَبَ بِسَمْعِهِمْ وَأَبْصَٰرِهِمْ ۚ إِنَّ ٱللَّهَ عَلَىٰ كُلِّ

dan sekiranya | Allah menghendaki | nescaya (Dia) menghilangkan | pendengaran mereka | dan penglihatan-penglihatan mereka | sesungguhnya | Allah | atas | tiap-tiap

شَىْءٍ قَدِيرٌ ﴿٢٠﴾ يَٰٓأَيُّهَا ٱلنَّاسُ ٱعْبُدُوا۟ رَبَّكُمُ ٱلَّذِى خَلَقَكُمْ

sesuatu | Maha Kuasa | 20 | wahai sekalian | manusia | sembahlah | Tuhan kamu | yang | telah menciptakan kamu

وَٱلَّذِينَ مِن قَبْلِكُمْ لَعَلَّكُمْ تَتَّقُونَ ﴿٢١﴾ ٱلَّذِى جَعَلَ لَكُمُ

dan orang-orang yang | sebelum kamu | agar kamu | bertakwa (kepada Allah) | 21 | (Dialah) Allah yang | telah menjadikan | untuk kamu

ٱلْأَرْضَ فِرَٰشًا وَٱلسَّمَآءَ بِنَآءً وَأَنزَلَ مِنَ ٱلسَّمَآءِ مَآءً فَأَخْرَجَ

bumi | sebagai hamparan | dan langit | sebagai atap | dan Dia telah menurunkan | daripada | langit | air hujan | lalu Dia mengeluarkan

بِهِۦ مِنَ ٱلثَّمَرَٰتِ رِزْقًا لَّكُمْ ۖ فَلَا تَجْعَلُوا۟ لِلَّهِ أَندَادًا وَأَنتُمْ

dengannya (air) | daripada | buah-buahan | sebagai rezeki | untuk kamu | maka janganlah | kamu menjadikan | bagi Allah | sekutu-sekutu | padahal kamu

تَعْلَمُونَ ﴿٢٢﴾ وَإِن كُنتُمْ فِى رَيْبٍ مِّمَّا نَزَّلْنَا عَلَىٰ عَبْدِنَا

mengetahui (bahwa Allah Maha Pencipta) | 22 | dan jika | kamu berada | dalam | keraguan | dari apa yang | telah Kami turunkan | ke atas | hamba Kami

فَأْتُوا۟ بِسُورَةٍ مِّن مِّثْلِهِۦ وَٱدْعُوا۟ شُهَدَآءَكُم مِّن دُونِ ٱللَّهِ

maka datangkanlah | satu surah | yang serupa dengannya (al-Quran) | dan serulah | penolong-penolong kamu | daripada | selain Allah

إِن كُنتُمْ صَٰدِقِينَ ﴿٢٣﴾ فَإِن لَّمْ تَفْعَلُوا۟ وَلَن تَفْعَلُوا۟ فَٱتَّقُوا۟

jika | kamu adalah | orang-orang yang benar | 23 | maka jika | kamu tidak (dapat) membuatnya | dan tidak akan kamu (dapat) membuatnya | maka takutlah kamu

ٱلنَّارَ ٱلَّتِى وَقُودُهَا ٱلنَّاسُ وَٱلْحِجَارَةُ ۖ أُعِدَّتْ لِلْكَٰفِرِينَ ﴿٢٤﴾

terhadap api neraka | yang | bahan bakarnya | manusia | dan batu-batuan | (neraka itu) disediakan | bagi orang-orang kafir | 24

17. Perumpamaan bagi mereka adalah seperti orang-orang yang menyalakan api, setelah menerangi sekelilingnya, Allah menghilangkan cahaya (yang menyinari) mereka dan membiarkan mereka dalam kegelapan, tidak dapat melihat.

18. Mereka tuli, bisu dan buta, sehingga mereka tidak dapat kembali.

19. Atau seperti (orang yang ditimpa) hujan lebat dari langit, yang disertai kegelapan, petir, dan kilat. Mereka menutup telinga dengan jari-jemari, (menghindari) suara petir itu kerana takutkan mati. Dan Allah meliputi orang yang kafir.[12]

20. Kilat itu hampir-hampir menyambar penglihatan mereka. Setiap kali (kilat itu) menyinari, mereka berjalan di bawah (sinar) itu dan apabila kembali gelap, mereka berhenti. Sekiranya Allah menghendaki, nescaya Dia menghilangkan pendengaran dan penglihatan mereka. Sungguh, Allah Maha Berkuasa atas segala sesuatu.

21. Wahai manusia! Sembahlah Tuhanmu yang telah menciptakan kamu dan orang-orang yang sebelum kamu, agar kamu bertakwa.

22. (Dialah) yang menjadikan bumi sebagai hamparan bagimu dan langit sebagai atap, dan Dialah yang menurunkan air (hujan) dari langit, lalu Dia hasilkan dengan (hujan) itu buah-buahan sebagai rezeki untukmu. Oleh itu, janganlah kamu mengadakan sekutu-sekutu bagi Allah, padahal kamu mengetahui.

23. Dan jika kamu meragui (al-Quran) yang Kami turunkan kepada hamba Kami (Muhammad), maka buatlah satu surah yang sama dengannya dan ajaklah penolong-penolongmu selain Allah jika kamu orang-orang yang benar.

24. Jika kamu tidak mampu membuatnya, dan (pasti) tidak akan mampu, maka takutlah kamu akan api neraka yang bahan bakarnya manusia dan batu yang disediakan bagi orang-orang kafir.

Hadis Sahih (ayat 83)

Daripada Anas r.a., dia menyambungkan sanadnya kepada Nabi SAW, Baginda bersabda, *"Sesungguhnya Allah berfirman kepada seorang penduduk neraka yang paling ringan seksaannya, 'Seandainya kamu memiliki sesuatu daripada kekayaan bumi, apakah kamu akan menggunakannya untuk menebus dirimu?' Orang itu menjawab, 'Ya'. Lalu Allah berfirman, 'Sungguh aku dahulu meminta darimu sesuatu yang lebih ringan daripada itu, tepatnya saat kamu berada di dalam perut ibumu, iaitu agar kamu tidak mempersekutukan Aku, namun kamu enggan dan tetap melakukan syirik'."* (Hadis Riwayat Bukhari, Sahihul Bukhari, Juz 2, No. Hadis 3334: 452).

أ ا و ى Tidak dilafazkan | م ن Ikhfa | Mad Lazim • Farq | ا و ى Mad 'Aridh Lissukun | Mad Wajib Muttasil

ا و ى Mad Thabi'i | م ن Idzhar | qalqalah | م ن Idgham | Mad Jaiz Munfasil

وَبَشِّرِ ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ وَعَمِلُوا۟ ٱلصَّٰلِحَٰتِ أَنَّ لَهُمْ جَنَّٰتٍ

dan sampaikan khabar gembira | kepada orang-orang yang | beriman (kepada Allah) | dan mengerjakan kebajikan (yang wajib dan sunah) | sesungguhnya bagi mereka | taman-taman (syurga)

تَجْرِى مِن تَحْتِهَا ٱلْأَنْهَٰرُ ۖ كُلَّمَا رُزِقُوا۟ مِنْهَا مِن ثَمَرَةٍ

yang mengalir | dari | bawahnya | sungai-sungai | setiap kali | mereka diberi rezeki | darinya (syurga) | dari | buah-buahan

رِّزْقًا ۙ قَالُوا۟ هَٰذَا ٱلَّذِى رُزِقْنَا مِن قَبْلُ ۖ وَأُتُوا۟ بِهِۦ مُتَشَٰبِهًا ۖ

sebagai rezeki | mereka berkata | ini adalah | yang direzekikan kepada kami | sebelumnya | dan mereka diberi | dengan-nya | yang serupa

وَلَهُمْ فِيهَآ أَزْوَٰجٌ مُّطَهَّرَةٌ ۖ وَهُمْ فِيهَا خَٰلِدُونَ ﴿٢٥﴾

dan untuk mereka | di dalamnya | pasangan-pasangan | yang suci | dan mereka | di dalamnya (syurga) | orang-orang yang kekal | 25

¼ الحزب ١

۞ إِنَّ ٱللَّهَ لَا يَسْتَحْىِۦٓ أَن يَضْرِبَ مَثَلًا مَّا بَعُوضَةً فَمَا

sesungguhnya | Allah | Dia tidak segan (malu) | untuk membuat | satu perbandingan pun | (seperti) nyamuk | atau sesuatu yang

فَوْقَهَا ۚ فَأَمَّا ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ فَيَعْلَمُونَ أَنَّهُ ٱلْحَقُّ مِن

lebih kecil darinya | maka adapun | orang-orang yang | beriman | mereka mengetahui | bahawa perbandingan itu | adalah benar | dari

رَّبِّهِمْ ۖ وَأَمَّا ٱلَّذِينَ كَفَرُوا۟ فَيَقُولُونَ مَاذَآ أَرَادَ ٱللَّهُ

Tuhan mereka | dan adapun | orang-orang yang | ingkar (berpaling) | maka mereka berkata | apa | maksud | Allah

بِهَٰذَا مَثَلًا ۘ يُضِلُّ بِهِۦ كَثِيرًا وَيَهْدِى بِهِۦ كَثِيرًا ۚ

dengan perbandingan ini | Dia menjadikan kesesatan | dengan-nya | ramai orang (kafir) | dan Dia memberi petunjuk | dengan-nya | ramai orang (mukmin)

وَمَا يُضِلُّ بِهِۦٓ إِلَّا ٱلْفَٰسِقِينَ ﴿٢٦﴾ ٱلَّذِينَ يَنقُضُونَ عَهْدَ

dan tidaklah | Dia menjadikan kesesatan | dengan-nya | kecuali | kepada orang-orang fasik | 26 | iaitu orang-orang yang | melanggar | perjanjian

ٱللَّهِ مِنۢ بَعْدِ مِيثَٰقِهِۦ وَيَقْطَعُونَ مَآ أَمَرَ ٱللَّهُ بِهِۦٓ أَن يُوصَلَ

Allah | setelah | diteguhkannya (perjanjian itu) | dan mereka memutuskan | perkara yang | diperintahkan | Allah | dengan-nya | untuk disambungkan

وَيُفْسِدُونَ فِى ٱلْأَرْضِ ۚ أُو۟لَٰٓئِكَ هُمُ ٱلْخَٰسِرُونَ ﴿٢٧﴾

dan mereka membuat kerosakan | di | bumi | mereka itulah | orang-orang yang rugi | 27

كَيْفَ تَكْفُرُونَ بِٱللَّهِ وَكُنتُمْ أَمْوَٰتًا فَأَحْيَٰكُمْ ۖ

bagaimana | kamu ingkar | kepada Allah | padahal kamu dahulu | benda mati | kemudian Dia menghidupkan kamu

ثُمَّ يُمِيتُكُمْ ثُمَّ يُحْيِيكُمْ ثُمَّ إِلَيْهِ تُرْجَعُونَ ﴿٢٨﴾ هُوَ

kemudian | Dia mematikan kamu | kemudian | Dia menghidupkan kamu | kemudian | kepada-Nya | kamu dikembalikan | 28 | Dialah (Allah)

ٱلَّذِى خَلَقَ لَكُم مَّا فِى ٱلْأَرْضِ جَمِيعًا ثُمَّ ٱسْتَوَىٰٓ إِلَى

yang telah menciptakan | untuk kamu | apa sahaja | di | bumi | semuanya | kemudian | Dia menuju | ke

ٱلسَّمَآءِ فَسَوَّىٰهُنَّ سَبْعَ سَمَٰوَٰتٍ ۚ وَهُوَ بِكُلِّ شَىْءٍ عَلِيمٌ ﴿٢٩﴾

langit | lalu Dia menyempurnakan penciptaannya | (menjadi) tujuh | langit | dan Dia | terhadap segala | sesuatu | Maha Mengetahui | 29

Iqlab · Mesti berhenti · Lebih utama meneruskan bacaan · Ghunnah · Boleh berhenti · Mad Silah Tawilah · Lebih utama berhenti · Dilarang berhenti · Bila Ghunnah · Boleh berhenti pada satu tanda

25. Dan sampaikanlah khabar gembira kepada orang-orang yang beriman dan beramal soleh, bahawa (disediakan) untuk mereka syurga yang di bawahnya mengalir sungai-sungai. Setiap kali mereka diberi rezeki buah-buahan dari syurga, mereka berkata, "Inilah rezeki yang diberikan kepada kami dahulu." Mereka telah diberi (buah-buahan) yang sama. Dan di sana mereka (memperoleh) pasangan-pasangan yang suci. Mereka kekal di dalamnya.

26. Sesungguhnya Allah tidak malu menjadikan nyamuk atau yang lebih kecil daripada itu sebagai perumpamaan. Bagi orang-orang yang beriman, mereka mengetahui bahawa itu adalah kebenaran daripada Tuhan. Tetapi mereka yang kafir berkata, "Apa maksud Allah membuat perumpamaan ini?" Menerusi (perumpamaan) itu, ramai orang yang dibiarkan-Nya sesat,[13] dan ramai juga orang yang diberi-Nya petunjuk. Namun tidak ada yang disesatkan-Nya dengan (perumpamaan) itu melainkan orang-orang yang fasik,[14]

27. (Iaitu) orang-orang yang melanggar perjanjian Allah setelah (perjanjian) itu diteguhkan, dan memutuskan apa yang diperintahkan Allah untuk disambungkan, dan berbuat kerosakan di bumi. Mereka itulah orang-orang yang rugi.

28. Bagaimana kamu ingkar kepada Allah, padahal kamu (tadinya) mati, lalu Dia menghidupkan kamu, kemudian Dia mematikan kamu lalu Dia menghidupkan kamu kembali. Kemudian kepada-Nyalah kamu dikembalikan.

29. Dialah (Allah) yang menjadikan untuk kamu segala yang ada di bumi, kemudian Ia menuju dengan kehendak-Nya ke arah (bahan-bahan) langit, lalu dijadikannya tujuh langit dengan sempurna; dan Dia Maha Mengetahui akan tiap-tiap sesuatu.

13. Orang itu sesat kerana keingkarannya dan tidak mahu memahami petunjuk-petunjuk Allah. Dalam ayat ini, disebabkan mereka ingkar dan tidak mahu memahami mengapa Allah menjadikan nyamuk sebagai perumpamaan maka mereka itu menjadi sesat.

14. Orang fasik adalah orang yang melanggar ketentuan-ketentuan agama, baik berupa ucapan mahupun perbuatan.

15. Khalifah bermakna pengganti, pemimpin, atau penguasa.

16. Iblis termasuk dalam kumpulan jin dan termasuk yang diperintah oleh Allah untuk sujud kepada Nabi Adam a.s.

17. Menurut syaitan, sesiapa yang memakan buah daripada pohon (khuldi) itu, akan kekal di dalam syurga (lihat Taha, 20: 120).

30. Dan (ingatlah) ketika Tuhanmu berfirman kepada para malaikat, "Aku hendak menjadikan khalifah[15] di muka bumi." Mereka berkata, "Adakah Engkau hendak menjadikan orang yang akan merosakkan dan menumpahkan darah di sana, sedangkan kami sentiasa bertasbih dengan memuji-Mu dan mensucikan-Mu?" Allah berfirman, "Sesungguhnya, Aku mengetahui apa yang tidak kamu ketahui."

31. Dan Allah mengajarkan Adam segala nama-nama (benda) kemudian diperlihatkan kepada para malaikat lalu Dia berfirman, "Sebutkan kepada-Ku semua nama (benda) ini, jika kamu golongan yang benar!"

32. Mereka menjawab, "Maha Suci Engkau! Tiada yang kami ketahui melainkan apa yang telah Engkau ajarkan kepada kami. Sungguh, Engkaulah Yang Maha Mengetahui, lagi Maha Bijaksana."

33. Dia (Allah) berfirman, "Wahai Adam! Beritahukan kepada mereka nama-nama itu!" Setelah dia (Adam) menyebutkan nama-nama itu, Allah berfirman, "Bukankah telah Aku katakan kepadamu bahawa Aku mengetahui rahsia di langit dan di bumi dan Aku mengetahui apa yang kamu zahirkan dan apa yang kamu sembunyikan?"

34. Dan (ingatlah) ketika Kami berfirman kepada para malaikat, "Sujudlah kamu kepada Adam!" Maka mereka pun sujud kecuali iblis.[16] Dia menolak dan menyombongkan diri dan dia termasuk golongan yang kafir.

35. Dan Kami berfirman, "Wahai Adam! Tinggallah kamu dan isterimu di dalam syurga dan makanlah (pelbagai makanan) yang ada di sana sesukamu. (Tetapi) janganlah kamu dekati pohon ini,[17] kelak kamu akan termasuk golongan orang-orang yang zalim!"[18]

36. Lalu, syaitan memperdayakan mereka [19] sehingga mereka dikeluarkan dari (segala kenikmatan) di sana (syurga). Dan Kami berfirman, "Turunlah kamu! Sebahagian kamu menjadi musuh bagi yang lain. Dan bagi kamu ada tempat tinggal dan kesenangan di muka bumi sehingga waktu yang ditentukan."

37. Kemudian, Adam menerima beberapa kalimah[20] daripada Tuhannya lalu Dia pun menerima taubatnya. Sungguh, Allah Maha Penerima Taubat, lagi Maha Penyayang.

18. Zalim bermaksud aniaya. Orang yang zalim ialah orang yang melakukan perbuatan aniaya, yang merugikan dirinya sendiri mahupun orang lain.

19. Nabi Adam a.s dan Hawa memakan buah daripada pohon yang dilarang itu, yang mengakibatkan mereka diusir oleh Allah dari syurga dan diturunkan ke dunia.

20. Menurut sebahagian mufasir kalimah itu adalah ucapan untuk memohon keampunan (taubat).

وَإِذْ قَالَ رَبُّكَ لِلْمَلَٰٓئِكَةِ إِنِّي جَاعِلٌ فِي ٱلْأَرْضِ خَلِيفَةً
dan ketika | berfirman | Tuhanmu | kepada para malaikat | sesungguhnya Aku | akan menjadikan | di | bumi | seorang khalifah (iaitu Adam)

قَالُوٓاْ أَتَجْعَلُ فِيهَا مَن يُفْسِدُ فِيهَا وَيَسْفِكُ ٱلدِّمَآءَ وَنَحْنُ
mereka berkata | adakah Engkau akan menjadikan | di dalamnya | orang yang | membuat kerosakan di dalamnya (bumi) | dan dia menumpahkan | darah | padahal kami (para malaikat)

نُسَبِّحُ بِحَمْدِكَ وَنُقَدِّسُ لَكَ قَالَ إِنِّيٓ أَعْلَمُ مَا لَا تَعْلَمُونَ
kami bertasbih | dengan memuji-Mu | dan kami menyucikan | bagi-Mu | Dia berfirman | sesungguhnya Aku | lebih mengetahui | apa yang | tidak kamu ketahui

٣٠ وَعَلَّمَ ءَادَمَ ٱلْأَسْمَآءَ كُلَّهَا ثُمَّ عَرَضَهُمْ عَلَى ٱلْمَلَٰٓئِكَةِ
30 | dan Dia mengajarkan | (kepada) Adam | nama-nama (benda) | semuanya | kemudian | Dia memperlihatkan semuanya | kepada | para malaikat

فَقَالَ أَنۢبِـُٔونِي بِأَسْمَآءِ هَٰٓؤُلَآءِ إِن كُنتُمْ صَٰدِقِينَ ٣١ قَالُواْ
lalu Dia berfirman | terangkanlah kepada-Ku | tentang nama-nama | benda-benda itu | jika | kamu adalah | orang-orang yang benar | 31 | mereka berkata

سُبْحَٰنَكَ لَا عِلْمَ لَنَآ إِلَّا مَا عَلَّمْتَنَآ إِنَّكَ أَنتَ ٱلْعَلِيمُ ٱلْحَكِيمُ
Maha Suci Engkau | tidak ada | pengetahuan | bagi kami | kecuali | apa yang | Engkau ajarkan kepada kami | sesungguhnya Engkau | Engkaulah | Yang Maha Mengetahui | Maha bijaksana

٣٢ قَالَ يَٰٓـَٔادَمُ أَنۢبِئْهُم بِأَسْمَآئِهِمْ فَلَمَّآ أَنۢبَأَهُم بِأَسْمَآئِهِمْ قَالَ
32 | Allah berfirman | wahai Adam | terangkanlah kepada mereka | nama-nama semua benda itu | kemudian setelah | dia menerangkan kepada mereka | nama-nama semua benda itu | Dia berfirman

أَلَمْ أَقُل لَّكُمْ إِنِّيٓ أَعْلَمُ غَيْبَ ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلْأَرْضِ وَأَعْلَمُ مَا
bukankah | Aku telah mengatakan | kepada kamu | sesungguhnya Aku | lebih mengetahui | perkara yang ghaib | di langit | dan di bumi | dan Aku mengetahui | apa yang

تُبْدُونَ وَمَا كُنتُمْ تَكْتُمُونَ ٣٣ وَإِذْ قُلْنَا لِلْمَلَٰٓئِكَةِ ٱسْجُدُواْ
kamu nyatakan | dan apa yang | kamu telah | kamu sembunyikan | 33 | dan ketika | Kami berfirman | kepada para malaikat | sujudlah kamu

لِأَدَمَ فَسَجَدُوٓاْ إِلَّآ إِبْلِيسَ أَبَىٰ وَٱسْتَكْبَرَ وَكَانَ مِنَ ٱلْكَٰفِرِينَ
kepada Adam | maka mereka sujud | kecuali | Iblis (bapa Jin) | dia menolak | dan dia menyombongkan diri | dan dia menjadi | dari | golongan yang kafir

٣٤ وَقُلْنَا يَٰٓـَٔادَمُ ٱسْكُنْ أَنتَ وَزَوْجُكَ ٱلْجَنَّةَ وَكُلَا مِنْهَا رَغَدًا
34 | dan Kami berfirman | wahai Adam | tinggallah | kamu | dan isterimu (Hawa) | di syurga ini | dan makanlah kamu berdua | darinya (syurga) | dengan penuh selesa

حَيْثُ شِئْتُمَا وَلَا تَقْرَبَا هَٰذِهِ ٱلشَّجَرَةَ فَتَكُونَا مِنَ ٱلظَّٰلِمِينَ ٣٥
sebagaimana | kamu berdua kehendaki | dan janganlah | kamu berdua mendekati | pohon ini | kamu berdua menjadi | daripada | orang-orang yang zalim | 35

فَأَزَلَّهُمَا ٱلشَّيْطَٰنُ عَنْهَا فَأَخْرَجَهُمَا مِمَّا كَانَا فِيهِ وَقُلْنَا ٱهْبِطُواْ
lalu syaitan (iblis) memperdaya mereka berdua | darinya (syurga) | maka Dia mengeluarkan mereka berdua | dari kenikmatan | yang mereka berdua berada | di dalamnya | dan Kami berfirman | turunlah kamu (ke bumi)

بَعْضُكُمْ لِبَعْضٍ عَدُوٌّ وَلَكُمْ فِي ٱلْأَرْضِ مُسْتَقَرٌّ وَمَتَٰعٌ إِلَىٰ حِينٍ ٣٦
sebahagian kamu | bagi sebahagian yang lain | adalah musuh | dan bagi kamu | di | bumi | tempat tinggal | dan kenikmatan | hingga | waktu yang ditentukan | 36

فَتَلَقَّىٰٓ ءَادَمُ مِن رَّبِّهِۦ كَلِمَٰتٍ فَتَابَ عَلَيْهِ إِنَّهُۥ هُوَ ٱلتَّوَّابُ ٱلرَّحِيمُ ٣٧
kemudian Adam menerima | dari Tuhannya | beberapa kalimat | maka Dia menerima taubat | atasnya (Adam) | sesungguhnya Dia | Dialah | Maha Penerima taubat | Maha Penyayang | 37

قُلْنَا اهْبِطُوا مِنْهَا جَمِيعًا ۖ فَإِمَّا يَأْتِيَنَّكُم مِّنِّي هُدًى فَمَن تَبِعَ

Kami berfirman | turunlah kamu | darinya (syurga) | semuanya | kemudian jika | benar-benar datang kepada kamu | dari Aku | petunjuk | maka siapa yang | meng-ikuti

هُدَايَ فَلَا خَوْفٌ عَلَيْهِمْ وَلَا هُمْ يَحْزَنُونَ ﴿٣٨﴾ وَالَّذِينَ كَفَرُوا

petunjuk-Ku | maka tidak ada | rasa takut | atas mereka | dan tidak pula | mereka | bersedih hati | 38 | dan orang-orang yang | mengingkari

وَكَذَّبُوا بِآيَاتِنَا أُولَٰئِكَ أَصْحَابُ النَّارِ ۖ هُمْ فِيهَا خَالِدُونَ ﴿٣٩﴾

dan mendustakan | terhadap ayat-ayat Kami | mereka itulah | para penghuni neraka | mereka | di dalamnya | orang-orang yang kekal | 39

يَا بَنِي إِسْرَائِيلَ اذْكُرُوا نِعْمَتِيَ الَّتِي أَنْعَمْتُ عَلَيْكُمْ وَأَوْفُوا بِعَهْدِي

wahai Bani Israel (anak cucu Yaakub bin Ishak) | ingatlah kamu | atas nikmat-Ku | yang | telah Aku anugerahkan | kepada kamu | dan tunaikanlah | perjanjian kepada-Ku

أُوفِ بِعَهْدِكُمْ وَإِيَّايَ فَارْهَبُونِ ﴿٤٠﴾ وَآمِنُوا بِمَا أَنزَلْتُ

maka akan Aku tunaikan | perjanjian-Ku kepada kamu | dan hanya kepada-Ku | takutlah kamu pada-Ku | 40 | dan beriman lah kamu | kepada apa (al-Quran) yang | telah Aku turunkan

مُصَدِّقًا لِّمَا مَعَكُمْ وَلَا تَكُونُوا أَوَّلَ كَافِرٍ بِهِ ۖ وَلَا تَشْتَرُوا بِآيَاتِي

yang membenarkan | pada apa (Taurat) yang | ada pada kamu | dan janganlah | kamu menjadi | yang pertama mengingkari | kepadanya | dan jangan pula kamu menjual belikan | ayat-ayat-Ku

ثَمَنًا قَلِيلًا وَإِيَّايَ فَاتَّقُونِ ﴿٤١﴾ وَلَا تَلْبِسُوا الْحَقَّ بِالْبَاطِلِ

dengan harga | sedikit (murah) | dan hanya kepada-Ku | bertakwalah kamu kepada-Ku | 41 | dan janganlah kamu mencampur adukkan | kebenaran | dengan kebatilan (yang kamu buat)

وَتَكْتُمُوا الْحَقَّ وَأَنتُمْ تَعْلَمُونَ ﴿٤٢﴾ وَأَقِيمُوا الصَّلَاةَ وَآتُوا

dan janganlah kamu menyembunyikan | kebenaran itu | padahal kamu | mengetahui (tentang kebenaran itu) | 42 | dan dirikanlah oleh kamu | solat (sesuai ketentuannya) | dan tunaikanlah oleh kamu

الزَّكَاةَ وَارْكَعُوا مَعَ الرَّاكِعِينَ ﴿٤٣﴾ ۞ أَتَأْمُرُونَ النَّاسَ بِالْبِرِّ

zakat | dan rukuklah kamu | bersama | orang-orang yang rukuk | 43 | patutkah kamu menyuruh | manusia | dengan berbuat kebaikan

٢/٤ الحزب ١

وَتَنسَوْنَ أَنفُسَكُمْ وَأَنتُمْ تَتْلُونَ الْكِتَابَ ۚ أَفَلَا تَعْقِلُونَ ﴿٤٤﴾

dan kamu melupakan | diri kamu sendiri | padahal kamu | kamu membaca | Kitab (Taurat) | maka tidakkah | kamu memikirkannya | 44

وَاسْتَعِينُوا بِالصَّبْرِ وَالصَّلَاةِ ۚ وَإِنَّهَا لَكَبِيرَةٌ إِلَّا عَلَى الْخَاشِعِينَ

dan kamu mintalah pertolongan | dengan kesabaran | dan mendirikan solat | dan sesungguhnya solat | sungguh besar (berat) | kecuali | bagi | orang-orang yang khusyuk

﴿٤٥﴾ الَّذِينَ يَظُنُّونَ أَنَّهُم مُّلَاقُو رَبِّهِمْ وَأَنَّهُمْ إِلَيْهِ رَاجِعُونَ ﴿٤٦﴾

45 | iaitu orang-orang yang | meyakini | bahawa mereka | akan bertemu | Tuhan mereka | dan bahawa mereka | kepada-Nya | akan kembali (di akhirat) | 46

يَا بَنِي إِسْرَائِيلَ اذْكُرُوا نِعْمَتِيَ الَّتِي أَنْعَمْتُ عَلَيْكُمْ وَأَنِّي فَضَّلْتُكُمْ

wahai Bani Israel (anak cucu Yaakub bin Ishak) | ingatlah kamu | nikmat-Ku | yang | telah Aku anugerahkan | kepada kamu | dan bahawa Aku | telah melebihkan kamu

عَلَى الْعَالَمِينَ ﴿٤٧﴾ وَاتَّقُوا يَوْمًا لَّا تَجْزِي نَفْسٌ عَن نَّفْسٍ شَيْئًا وَلَا

atas | semua umat (pada masa mereka) | 47 | dan takutlah kamu | suatu hari (akhirat) | tidak dapat membela | seseorang | terhadap orang lain | sedikit pun | dan tidak

يُقْبَلُ مِنْهَا شَفَاعَةٌ وَلَا يُؤْخَذُ مِنْهَا عَدْلٌ وَلَا هُمْ يُنصَرُونَ ﴿٤٨﴾

diterima | darinya | syafaat pertolongan | dan tidak | diambil | darinya (orang kafir) | tebusan | dan tidaklah | mereka | diberi pertolongan | 48

Iqlab · Mesti berhenti · Lebih utama meneruskan bacaan · Ghunnah · Boleh berhenti
Mad Silah Tawilah · Lebih utama berhenti · Dilarang berhenti · Bila Ghunnah · Boleh berhenti pada satu tanda

38. Kami berfirman, "Turunlah kamu semua daripada syurga! Kemudian jika datang kepadamu petunjuk-Ku, maka barang siapa mengikuti petunjuk-Ku, nescaya tiada ketakutan dan dukacita ke atas mereka."

39. Bagi orang-orang yang kafir dan mendustakan ayat-ayat Kami, mereka itulah penghuni neraka. Mereka kekal di dalamnya.

40. Wahai Bani Israel![21] Ingatlah nikmat-Ku yang telah Aku berikan kepadamu. Dan penuhilah janjimu kepada-Ku[22] nescaya Aku penuhi janji-Ku kepadamu dan takutlah hanya kepada-Ku.

41. Dan berimanlah kamu kepada (al-Quran) yang telah Aku turunkan yang membenarkan (Taurat) yang ada padamu dan janganlah kamu menjadi orang pertama yang ingkar kepadanya. Janganlah kamu menjual ayat-ayat-Ku dengan harga yang murah dan bertakwalah hanya kepada-Ku.

42. Dan janganlah kamu mencampur-adukkan kebenaran dengan kebatilan[23] dan (janganlah) kamu menyembunyikan kebenaran, sedangkan kamu mengetahuinya.

43. Dan dirikanlah solat, tunaikanlah zakat, dan rukuklah bersama-sama orang yang rukuk.

44. Mengapa kamu menyuruh orang lain (mengerjakan) kebajikan, sedangkan kamu lupa akan dirimu sendiri, padahal kamu membaca kitab (Taurat)? Tidakkah kamu mengerti?

45. Dan mohonlah pertolongan (kepada Allah) dengan sabar dan mengerjakan solat. Dan (solat) itu sungguh berat kecuali bagi orang-orang yang khusyuk,

46. (Iaitu) orang-orang yang yakin bahawa mereka akan menemui Tuhannya dan bahawa mereka akan kembali kepada-Nya.

47. Wahai Bani Israel! Kenangkanlah nikmat-Ku yang telah Aku berikan kepadamu, dan Aku telah melebihkan kamu daripada semua umat yang lain di alam ini (pada masa itu).

48. Dan takutlah kamu pada hari (ketika) tiada seorang pun yang dapat membela orang lain walaupun sedikit. Sedangkan sebarang syafaat[24] dan tebusan tidak akan diterima dan mereka tidak akan ditolong.

21. Israel adalah sebutan bagi kaum Nabi Yaakub a.s. Bani Israel adalah keturunan Nabi Yaakub a.s dan sekarang dikenali sebagai bangsa Yahudi.

22. Di antara janji Bani Israel kepada Allah ialah hanya menyembah-Nya, tidak mengadakan sekutu bagi-Nya, serta beriman kepada Nabi Muhammad SAW, sebagaimana yang dinyatakan di dalam Taurat.

23. Batil bermaksud kesalahan, kejahatan, kemungkaran, dan sebagainya.

24. Syafaat ialah pertolongan yang diberikan oleh rasul atau orang-orang tertentu untuk meringankan azab atau beban seseorang di akhirat, dengan izin Allah.

49. Dan (ingatlah) ketika Kami menyelamatkan kamu daripada (Firaun dan pengikut-pengikutnya.[25] Mereka menimpakan azab yang sangat berat kepadamu. Mereka menyembelih anak-anak lelakimu dan membiarkan hidup anak-anak perempuanmu. Itulah ujian yang besar dari Tuhanmu.
50. Dan (ingatlah) ketika Kami membelah laut untukmu sehingga Kami selamatkan kamu dan Kami tenggelamkan (Firaun dan) pengikut-pengikutnya, sedang kamu menyaksikannya.
51. Dan (ingatlah) ketika Kami berjanji kepada Nabi Musa (untuk memberi Taurat kepadanya sesudah ia bersiap selama) empat puluh malam.[26] Kemudian, setelah ia pergi, kamu menyembah (patung) anak lembu dan kamu sebenarnya orang-orang yang zalim (terhadap diri sendiri).
52. Kemudian setelah itu, Kami maafkan kesalahan kamu, agar kamu bersyukur.
53. Dan (ingatlah), ketika Kami menurunkan Kitab dan Furqan kepada Musa agar kamu mendapat petunjuk.[27]
54. Dan (ingatlah) ketika Musa berkata kepada kaumnya, "Wahai kaumku! Kamu benar-benar telah menzalimi dirimu sendiri dengan menjadikan (patung) anak lembu (sebagai sembahan), oleh itu bertaubatlah kepada Penciptamu dan bunuhlah dirimu.[28] Itu lebih baik bagimu di sisi Penciptamu. Dia akan menerima taubatmu. Sesungguhnya, Dia Maha Penerima Taubat, lagi Maha Penyayang."
55. Dan (ingatlah) ketika kamu berkata, "Wahai Musa! Kami tidak akan beriman kepadamu sebelum kami melihat Allah dengan jelas." Lalu halilintar menyambarmu, sedang kamu menyaksikannya.
56. Kemudian, Kami membangkitkan kamu setelah kamu mati agar kamu bersyukur.
57. Dan Kami menaungi kamu dengan awan dan Kami turunkan kepadamu *mann* dan *salwa*.[29] Makanlah (makanan) yang baik-baik daripada rezeki yang telah Kami berikan kepadamu. Mereka tidak menzalimi Kami, tetapi sebenarnya merekalah yang menzalimi diri sendiri.

25. Firaun merupakan gelaran bagi raja-raja Mesir pada zaman dahulu. Menurut sejarah, Firaun pada zaman Nabi Musa a.s adalah Menephthan (1232–1224 SM) anak kepada Ramses
26. Suatu jangka masa yang dijanjikan Allah untuk menerima petunjuk (Taurat); tetapi umat Nabi Musa a.s tidak sabar menunggunya, sehingga mereka menyembah patung anak lembu yang dibuat oleh Samiri.
27. Yang dimaksudkan dengan Kitab adalah Taurat. Yang dimaksudkan dengan Furqan adalah keterangan-keterangan lain untuk membezakan yang baik dengan yang buruk.
28. "Membunuh dirimu" ada yang berpendapat, orang-orang yang tidak menyembah patung anak lembu itu membunuh orang yang menyembahnya. Ada pula yang berpendapat, orang yang menyembah patung anak lembu itu saling bunuh-membunuh. Ada pula yang mengatakan, mereka disuruh membunuh diri mereka masing-masing untuk bertaubat.
29. *Mann* ialah sejenis madu. *Salwa* ialah sejenis burung puyuh.

وَإِذْ نَجَّيْنَٰكُم مِّنْ ءَالِ فِرْعَوْنَ يَسُومُونَكُمْ سُوٓءَ ٱلْعَذَابِ
dan ketika | Kami menyelamatkan (nenek moyang) kamu | dari | pengikut Firaun | mereka menimpakan kepada kamu | azab yang buruk

يُذَبِّحُونَ أَبْنَآءَكُمْ وَيَسْتَحْيُونَ نِسَآءَكُمْ ۚ وَفِى ذَٰلِكُم بَلَآءٌ
mereka menyembelih | anak-anak lelaki kamu | dan mereka membiarkan hidup | anak-anak perempuan kamu | dan di dalam | bentuk seksaan atas kamu itu | terdapat ujian

مِّن رَّبِّكُمْ عَظِيمٌ ﴿٤٩﴾ وَإِذْ فَرَقْنَا بِكُمُ ٱلْبَحْرَ فَأَنجَيْنَٰكُمْ
dari | Tuhan kamu | yang sangat berat | 49 | dan ketika | Kami telah membelah | untuk kamu | laut (merah) | lalu Kami menyelamatkan kamu

وَأَغْرَقْنَآ ءَالَ فِرْعَوْنَ وَأَنتُمْ تَنظُرُونَ ﴿٥٠﴾ وَإِذْ وَٰعَدْنَا مُوسَىٰٓ
dan Kami menenggelamkan | pengikut Firaun (dan dirinya) | sedang kamu | menyaksikan (laut menelan mereka) | 50 | dan ketika | Kami menjanjikan | (kepada) Musa

أَرْبَعِينَ لَيْلَةً ثُمَّ ٱتَّخَذْتُمُ ٱلْعِجْلَ مِنۢ بَعْدِهِۦ وَأَنتُمْ ظَٰلِمُونَ
(selama) empat puluh | malam | kemudian | kamu menyembah | anak lembu | setelah Musa pergi | dan kamu (adalah) | orang-orang yang zalim

﴿٥١﴾ ثُمَّ عَفَوْنَا عَنكُم مِّنۢ بَعْدِ ذَٰلِكَ لَعَلَّكُمْ تَشْكُرُونَ ﴿٥٢﴾
51 | kemudian | Kami memaafkan | atas (dosa-dosa) kamu | setelah | (penyembahan anak lembu) itu | agar kamu | bersyukur (atas nikmat yang Kami berikan) | 52

وَإِذْ ءَاتَيْنَا مُوسَى ٱلْكِتَٰبَ وَٱلْفُرْقَانَ لَعَلَّكُمْ تَهْتَدُونَ ﴿٥٣﴾
dan ketika | Kami mendatangkan | kepada Musa | Kitab (Taurat) | dan *Furqan* | agar kamu | kamu mendapat petunjuk | 53

وَإِذْ قَالَ مُوسَىٰ لِقَوْمِهِۦ يَٰقَوْمِ إِنَّكُمْ ظَلَمْتُمْ أَنفُسَكُم
dan ketika | berkata | Musa | kepada kaumnya | wahai kaumku | sesungguhnya kamu | kamu telah menganiaya | diri kamu sendiri

بِٱتِّخَاذِكُمُ ٱلْعِجْلَ فَتُوبُوٓا۟ إِلَىٰ بَارِئِكُمْ فَٱقْتُلُوٓا۟ أَنفُسَكُمْ ذَٰلِكُمْ
disebabkan kamu menyembah | anak lembu | maka bertaubatlah kamu | kepada | Pencipta kamu | lalu bunuhlah diri-diri kamu | demikian itu

خَيْرٌ لَّكُمْ عِندَ بَارِئِكُمْ فَتَابَ عَلَيْكُمْ ۚ إِنَّهُۥ هُوَ ٱلتَّوَّابُ ٱلرَّحِيمُ
lebih baik | bagi kamu | di sisi | Pencipta kamu | maka Dia menerima taubat | atas kamu | sesungguhnya Dia | Dialah | Maha Penerima taubat | Maha Penyayang

﴿٥٤﴾ وَإِذْ قُلْتُمْ يَٰمُوسَىٰ لَن نُّؤْمِنَ لَكَ حَتَّىٰ نَرَى ٱللَّهَ جَهْرَةً
54 | dan ketika | kamu berkata | wahai Musa | kami tidak akan percaya | kepadamu | sehingga | kami melihat | Allah | secara jelas

فَأَخَذَتْكُمُ ٱلصَّٰعِقَةُ وَأَنتُمْ تَنظُرُونَ ﴿٥٥﴾ ثُمَّ بَعَثْنَٰكُم مِّنۢ
maka petir menyambar kamu (sehingga kamu mati) | sedang kamu | kamu menyaksikan (kejadian itu) | 55 | kemudian | Kami membangkitkan kamu | daripada

بَعْدِ مَوْتِكُمْ لَعَلَّكُمْ تَشْكُرُونَ ﴿٥٦﴾ وَظَلَّلْنَا عَلَيْكُمُ
setelah | kematian kamu | agar kamu | kamu bersyukur | 56 | dan Kami naungi | ke atas kamu

ٱلْغَمَامَ وَأَنزَلْنَا عَلَيْكُمُ ٱلْمَنَّ وَٱلسَّلْوَىٰ ۖ كُلُوا۟ مِن طَيِّبَٰتِ مَا
awan | dan Kami menurunkan | ke atas kamu | *Mann* (cairan manis seperti madu) | dan *Salwā* (sejenis burung puyuh) | makanlah kamu | dari | yang baik-baik | apa yang

رَزَقْنَٰكُمْ ۖ وَمَا ظَلَمُونَا وَلَٰكِن كَانُوٓا۟ أَنفُسَهُمْ يَظْلِمُونَ ﴿٥٧﴾
Kami berikan sebagai rezeki kepada kamu | dan tidaklah | mereka menzalimi Kami | akan tetapi | sebenarnya mereka | terhadap diri mereka sendiri | mereka menzalimi | 57

Tidak dilafazkan | Ikhfa | Mad Lazim • Farq | Mad 'Aridh Lissukun | Mad Wajib Muttasil
Mad Thabi'i | Idzhar | qalqalah | Idgham | Mad Jaiz Munfasil

وَإِذۡ قُلۡنَا ٱدۡخُلُواْ هَٰذِهِ ٱلۡقَرۡيَةَ فَكُلُواْ مِنۡهَا حَيۡثُ شِئۡتُمۡ رَغَدٗا

dan ketika | Kami berfirman | masuklah kamu | ke negeri ini (Baitulmuqaddis) | lalu makanlah kamu | darinya | sebagai-mana | kamu kehendaki | (makanan) yang enak

وَٱدۡخُلُواْ ٱلۡبَابَ سُجَّدٗا وَقُولُواْ حِطَّةٞ نَّغۡفِرۡ لَكُمۡ خَطَٰيَٰكُمۡۚ

dan masuklah kamu | melalui pintu/gerbang | dengan tunduk (membongkok) | dan katakanlah oleh kamu | hapuskanlah dosa kami | nescaya Kami ampuni | bagi kamu | dosa-dosa kamu (yang telah lalu)

وَسَنَزِيدُ ٱلۡمُحۡسِنِينَ ٥٨ فَبَدَّلَ ٱلَّذِينَ ظَلَمُواْ قَوۡلًا

dan Kami akan menambah | (bagi) orang-orang yang melakukan kebaikan | 58 | maka mengganti (mengubah) | orang-orang yang | zalim | perkataan

غَيۡرَ ٱلَّذِي قِيلَ لَهُمۡ فَأَنزَلۡنَا عَلَى ٱلَّذِينَ ظَلَمُواْ رِجۡزٗا مِّنَ

(dengan) selain | yang | dikatakan | kepada mereka | maka Kami menurunkan | ke atas | orang-orang yang | mereka zalim | seksaan | daripada

ٱلسَّمَآءِ بِمَا كَانُواْ يَفۡسُقُونَ ٥٩ ۞ وَإِذِ ٱسۡتَسۡقَىٰ مُوسَىٰ

٣/٤ الحزب ١

langit | kerana apa yang | mereka (sentiasa) | melakukan kefasikan | 59 | dan ketika | memohon air minum | Musa

لِقَوۡمِهِۦ فَقُلۡنَا ٱضۡرِب بِّعَصَاكَ ٱلۡحَجَرَۖ فَٱنفَجَرَتۡ مِنۡهُ

untuk kaumnya | lalu Kami berfirman | pukullah | dengan tongkatmu | batu itu | maka terpancarlah | darinya (batu itu)

ٱثۡنَتَا عَشۡرَةَ عَيۡنٗاۖ قَدۡ عَلِمَ كُلُّ أُنَاسٖ مَّشۡرَبَهُمۡۖ كُلُواْ

dua belas | mata air | sungguh | telah mengetahui | setiap | manusia (12 suku Bani Israel) | tempat minum mereka | makanlah kamu

وَٱشۡرَبُواْ مِن رِّزۡقِ ٱللَّهِ وَلَا تَعۡثَوۡاْ فِي ٱلۡأَرۡضِ مُفۡسِدِينَ ٦٠

dan minumlah kamu | dari | rezeki | Allah | dan janganlah kamu melakukan kejahatan | di | bumi | dengan membuat kerosakan | 60

وَإِذۡ قُلۡتُمۡ يَٰمُوسَىٰ لَن نَّصۡبِرَ عَلَىٰ طَعَامٖ وَٰحِدٖ فَٱدۡعُ لَنَا رَبَّكَ

dan ketika | kamu berkata | wahai Musa | kami tidak akan bersabar | ke atas | makanan | sejenis sahaja | maka mohonlah | untuk kami | (kepada) Tuhanmu

يُخۡرِجۡ لَنَا مِمَّا تُنۢبِتُ ٱلۡأَرۡضُ مِنۢ بَقۡلِهَا وَقِثَّآئِهَا وَفُومِهَا

(agar) Dia mengeluarkan | untuk kami | dari apa yang | ditumbuhkan | bumi | berupa sayur-sayurnya | dan mentimun | dan bawang putih

وَعَدَسِهَا وَبَصَلِهَاۖ قَالَ أَتَسۡتَبۡدِلُونَ ٱلَّذِي هُوَ أَدۡنَىٰ

dan kacang adas | dan bawang merah | Dia (Musa) berkata | adakah kamu meminta sebagai ganti | sesuatu yang | dia | lebih rendah

بِٱلَّذِي هُوَ خَيۡرٌۚ ٱهۡبِطُواْ مِصۡرٗا فَإِنَّ لَكُم مَّا سَأَلۡتُمۡۗ

dari yang | dia | lebih baik | turunlah (pergilah) kamu | (ke) sebuah kota | maka sesungguhnya | bagi kamu | apa yang | kamu minta

وَضُرِبَتۡ عَلَيۡهِمُ ٱلذِّلَّةُ وَٱلۡمَسۡكَنَةُ وَبَآءُو بِغَضَبٖ مِّنَ

dan ditimpakan | ke atas mereka | kehinaan | dan kemiskinan | dan mereka kembali | dengan kemurkaan | daripada

ٱللَّهِۗ ذَٰلِكَ بِأَنَّهُمۡ كَانُواْ يَكۡفُرُونَ بِـَٔايَٰتِ ٱللَّهِ وَيَقۡتُلُونَ

Allah | demikian itu | kerana sesungguhnya mereka | mereka telah | mengingkari | terhadap ayat-ayat Allah | dan mereka telah membunuh

ٱلنَّبِيِّـۧنَ بِغَيۡرِ ٱلۡحَقِّۗ ذَٰلِكَ بِمَا عَصَواْ وَّكَانُواْ يَعۡتَدُونَ ٦١

para nabi | dengan tanpa | (alasan) yang benar | demikian itu | disebabkan | mereka derhaka | dan mereka sentiasa | melampaui batas (menderhaka) | 61

Iqlab | Mesti berhenti | Lebih utama meneruskan bacaan | Ghunnah | Boleh berhenti
Mad Silah Tawilah | Lebih utama berhenti | Dilarang berhenti | Bila Ghunnah | Boleh berhenti pada satu tanda

58. Dan (ingatlah) ketika Kami berfirman, "Masuklah ke negeri ini (Baitulmuqaddis) maka makanlah dengan nikmat (pelbagai makanan) yang ada di sana sepuas-puasmu. Dan masuklah pintu gerbangnya sambil membongkok dan katakanlah, "Bebaskanlah kami (daripada dosa-dosa kami)," nescaya Kami ampuni kesalahan-kesalahanmu. Dan Kami akan menambah (kurnia) bagi orang-orang yang berbuat kebaikan."

59. Lalu, orang-orang yang zalim mengganti perintah dengan (perintah lain) yang tidak diperintahkan kepada mereka. Maka Kami turunkan malapetaka daripada langit kepada orang-orang yang zalim itu kerana mereka (selalu) berbuat fasik.

60. Dan (ingatlah) ketika Musa memohon air untuk kaumnya lalu Kami berfirman, "Pukullah batu itu dengan tongkatmu!" Maka memancarlah daripadanya dua belas mata air. Setiap suku telah mengetahui tempat minumnya (masing-masing).[30] Makan dan minumlah daripada rezeki (yang diberikan) Allah dan janganlah kamu melakukan kejahatan di bumi dengan membuat kerosakan.

61. Dan (ingatlah), ketika kamu berkata, "Wahai Musa! Kami tidak tahan dengan hanya (makan) dengan satu jenis makanan sahaja maka mohonkanlah kepada Tuhanmu untuk kami agar Dia memberi kami apa yang ditumbuhkan dari bumi, seperti sayur-sayuran, timun, bawang putih, kacang adas, dan bawang merah." Dia (Musa) menjawab, "Adakah kamu meminta sesuatu yang buruk sebagai ganti daripada sesuatu yang baik? Pergilah ke suatu kota, pasti kamu akan memperoleh apa yang kamu minta." Kemudian, mereka ditimpa cacian dan kemiskinan dan mereka (kembali) mendapat kemurkaan daripada Allah. Hal itu (terjadi) kerana mereka ingkar dengan ayat-ayat Allah dan membunuh para nabi tanpa hak (alasan yang benar). Yang demikian itu kerana mereka derhaka dan melampaui batas.

30. Setiap suku daripada 12 suku kaum Bani Israel, sebagaimana tersebut dalam Surah Al-A'raf, 7: 160.

31. Sabi'in ialah umat sebelum Nabi Muhammad SAW. yang mengetahui adanya Tuhan Yang Maha Esa, dan mempercayai adanya pengaruh bintang-bintang

62. Sesungguhnya orang-orang yang beriman, orang-orang yahudi, orang-orang Nasrani, dan orang-orang Sabi'in,[31] sesiapa sahaja (dalam kalangan mereka) yang beriman kepada Allah dan hari akhirat dan melakukan kebajikan, mereka akan mendapat pahala daripada Tuhannya, tidak ada rasa takut pada mereka dan mereka tidak bersedih hati.

63. Dan (ingatlah) ketika Kami mengambil janji kamu dan kami angkat Gunung (Sinai) di atasmu (seraya berfirman), "Berpegang teguhlah dengan apa yang telah Kami berikan kepadamu dan ingatlah apa yang ada di dalamnya, agar kamu bertakwa."

64. Kemudian, setelah itu kamu berpaling. Maka sekiranya bukan kerana kurniaan Allah dan rahmat-Nya kepadamu, pasti kamu termasuk golongan orang yang rugi.

65. Dan sesungguhnya, kamu telah mengetahui orang-orang yang melakukan pelanggaran di antara kamu pada hari Sabat[32] lalu Kami katakan kepada mereka, "Jadilah kamu kera yang hina!"[33]

66. Maka Kami jadikan (yang demikian) itu peringatan bagi orang-orang pada masa itu dan bagi mereka yang datang kemudian serta menjadi pengajaran bagi orang-orang yang bertakwa.

67. Dan (ingatlah) ketika Musa berkata kepada kaumnya, "Allah memerintahkan kamu agar menyembelih seekor lembu betina." Mereka bertanya, "Adakah engkau akan menjadikan kami sebagai bahan ejekan?"[34] Dia (Musa) menjawab, "Aku berlindung kepada Allah agar tidak termasuk orang-orang yang bodoh."

68. Mereka berkata, "Mohonlah kepada Tuhanmu untuk kami agar Dia menjelaskan kepada kami tentang (lembu betina) itu." Dia (Musa) menjawab, "Dia (Allah) berfirman bahawa lembu betina itu tidak tua dan tidak muda, (tetapi) pertengahan antara itu. Maka kerjakanlah apa yang diperintahkan kepadamu."

69. Mereka berkata, "Mohonlah kepada Tuhanmu untuk kami agar Dia menjelaskan kepada kami apa warnanya." Dia (Musa) menjawab, "Dia (Allah) berfirman bahawa (lembu) itu adalah lembu betina yang kuning tua warnanya, yang menyenangkan orang-orang yang memandang(nya)."

32. Hari Sabat ialah hari Sabtu, hari khusus bagi orang Yahudi untuk beribadah.
33. Kera: betul-betul menjadi kera sebagai kutukan Allah. Sebahagian mufasir memberi maksud memiliki sifat-sifat seperti kera.
34. Hikmah Allah menyuruh menyembelih lembu ialah agar hilang rasa penghormatan mereka kepada patung anak lembu yang pernah mereka sembah.

إِنَّ ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ وَٱلَّذِينَ هَادُوا۟ وَٱلنَّصَٰرَىٰ وَٱلصَّٰبِـِٔينَ
sesungguhnya | orang-orang yang | beriman | dan orang-orang yang | Yahudi | dan orang-orang Nasrani | dan orang-orang *sabi'in*

مَنْ ءَامَنَ بِٱللَّهِ وَٱلْيَوْمِ ٱلْءَاخِرِ وَعَمِلَ صَٰلِحًا فَلَهُمْ أَجْرُهُمْ
siapa yang | beriman | kepada Allah | dan hari akhirat | dan mengerjakan kebajikan | maka bagi mereka | pahala mereka

عِندَ رَبِّهِمْ وَلَا خَوْفٌ عَلَيْهِمْ وَلَا هُمْ يَحْزَنُونَ ٦٢ وَإِذْ
di sisi | Tuhan mereka | dan tidak ada | rasa takut | ke atas mereka | dan tidak-lah pula | mereka | bersedih hati | 62 | dan ketika

أَخَذْنَا مِيثَٰقَكُمْ وَرَفَعْنَا فَوْقَكُمُ ٱلطُّورَ خُذُوا۟ مَآ ءَاتَيْنَٰكُم
Kami mengambil | perjanjian kamu | dan Kami mengangkat | di atas kamu | gunung Sinai | pegang teguhlah | apa yang | telah Kami berikan kepada kamu

بِقُوَّةٍ وَٱذْكُرُوا۟ مَا فِيهِ لَعَلَّكُمْ تَتَّقُونَ ٦٣ ثُمَّ تَوَلَّيْتُم مِّنۢ
dengan sungguh-sungguh | dan ingatlah kamu | apa yang | di dalamnya | agar kamu | kamu bertakwa | 63 | kemudian | kamu berpaling | daripada

بَعْدِ ذَٰلِكَ ۖ فَلَوْلَا فَضْلُ ٱللَّهِ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَتُهُۥ لَكُنتُم مِّنَ
sesudah | perjanjian itu | maka sekiranya | bukan (kerana) | kurniaan | Allah | ke atas kamu | dan rahmat-Nya | pasti kamu menjadi | sebahagian dari

ٱلْخَٰسِرِينَ ٦٤ وَلَقَدْ عَلِمْتُمُ ٱلَّذِينَ ٱعْتَدَوْا۟ مِنكُمْ فِى ٱلسَّبْتِ
orang-orang yang mendapat kerugian | 64 | dan sebenarnya | kamu telah mengetahui | orang-orang yang | mereka melampaui batas | di antara kamu | pada | hari sabat (Sabtu)

فَقُلْنَا لَهُمْ كُونُوا۟ قِرَدَةً خَٰسِـِٔينَ ٦٥ فَجَعَلْنَٰهَا نَكَٰلًا لِّمَا
maka Kami katakan | kepada mereka | jadilah kamu | kera-kera | yang hina | 65 | maka Kami menjadikan itu | sebagai peringatan | bagi apa (umat) yang

بَيْنَ يَدَيْهَا وَمَا خَلْفَهَا وَمَوْعِظَةً لِّلْمُتَّقِينَ ٦٦ وَإِذْ قَالَ
(ada) pada saat itu | dan apa (umat) yang | datang kemudian | dan menjadi nasihat | bagi orang-orang yang bertakwa | 66 | dan (ingatlah) ketika | telah berkata

مُوسَىٰ لِقَوْمِهِۦٓ إِنَّ ٱللَّهَ يَأْمُرُكُمْ أَن تَذْبَحُوا۟ بَقَرَةً ۖ قَالُوٓا۟ أَتَتَّخِذُنَا
Musa | kepada kaumnya | sesungguhnya | Allah | menyuruh kamu | agar kamu menyembelih | lembu betina | mereka berkata | adakah engkau akan menjadikan kami

هُزُوًا ۖ قَالَ أَعُوذُ بِٱللَّهِ أَنْ أَكُونَ مِنَ ٱلْجَٰهِلِينَ ٦٧ قَالُوا۟
sebagai bahan ejekan | Musa berkata | aku berlindung | kepada Allah | agar aku (tidak) menjadi | (termasuk) dari | orang-orang yang bodoh | 67 | mereka berkata

ٱدْعُ لَنَا رَبَّكَ يُبَيِّن لَّنَا مَا هِىَ ۚ قَالَ إِنَّهُۥ يَقُولُ إِنَّهَا بَقَرَةٌ لَّا فَارِضٌ
serukanlah | untuk kami | kepada Tuhanmu | agar Dia menjelaskan | kepada kami | bagaimana | lembu itu | (Musa) berkata | sesungguhnya Dia | berfirman | bahawa lembu itu | lembu betina | tidak | tua

وَلَا بِكْرٌ عَوَانٌۢ بَيْنَ ذَٰلِكَ ۖ فَٱفْعَلُوا۟ مَا تُؤْمَرُونَ ٦٨
dan tidak | muda | (namun) pertengahan | antara itu | maka kerjakanlah | apa yang | diperintahkan kepada kamu (untuk menyembelihnya) | 68

قَالُوا۟ ٱدْعُ لَنَا رَبَّكَ يُبَيِّن لَّنَا مَا لَوْنُهَا ۚ قَالَ إِنَّهُۥ يَقُولُ
mereka berkata | serukanlah | untuk kami | (kepada) Tuhanmu | agar Dia menjelaskan | kepada kami | apa | warnanya (lembu itu) | (Musa) berkata | sesungguhnya Dia | berfirman

إِنَّهَا بَقَرَةٌ صَفْرَآءُ فَاقِعٌ لَّوْنُهَا تَسُرُّ ٱلنَّٰظِرِينَ ٦٩
bahawa lembu itu | lembu betina | (berwarna) kuning | pekat | warnanya | menyenangkan (hati) | orang-orang yang melihatnya | 69

Tidak dilafazkan · Ikhfa · Mad Lazim • Farq · Mad 'Aridh Lissukun · Mad Wajib Muttasil
Mad Thabi'i · Idzhar · qalqalah · Idgham · Mad Jaiz Munfasil

قَالُوا۟ ٱدْعُ لَنَا رَبَّكَ يُبَيِّن لَّنَا مَا هِىَ إِنَّ ٱلْبَقَرَ تَشَٰبَهَ عَلَيْنَا وَإِنَّآ

mereka berkata | serulah | untuk kami | Tuhan-mu | agar Dia jelaskan | kepada kami | (jenis) apa | lembu itu | sesungguhnya | lembu itu | (masih) samar | bagi kami | dan sesungguhnya kami

إِن شَآءَ ٱللَّهُ لَمُهْتَدُونَ ٧٠ قَالَ إِنَّهُۥ يَقُولُ إِنَّهَا بَقَرَةٌ لَّا ذَلُولٌ

jika | menghendaki | Allah | nescaya mendapat petunjuk | 70 | dia berkata | sesungguhnya Dia | berfirman | bahawa ia | lembu betina | (yang) tidak | digunakan

تُثِيرُ ٱلْأَرْضَ وَلَا تَسْقِى ٱلْحَرْثَ مُسَلَّمَةٌ لَّا شِيَةَ فِيهَا قَالُوا۟

membajak | tanah | dan tidak | (untuk) mengairi | tanaman | sihat | tidak ada | belang | padanya | mereka berkata

ٱلْـَٰٔنَ جِئْتَ بِٱلْحَقِّ فَذَبَحُوهَا وَمَا كَادُوا۟ يَفْعَلُونَ ٧١ وَإِذْ

sekarang | engkau dapat menerangkan | dengan sebenarnya | lalu mereka menyembelihnya | dan tidak | mereka hampir sahaja | melaksanakan (perintah itu) | 71 | dan ketika

قَتَلْتُمْ نَفْسًا فَٱدَّٰرَْٰٔتُمْ فِيهَا وَٱللَّهُ مُخْرِجٌ مَّا كُنتُمْ تَكْتُمُونَ ٧٢

kamu membunuh | seseorang | lalu kamu saling tuduh menuduh | dalam (hal) itu | dan Allah | menyingkapkan | apa yang | kamu telah | sembunyikan | 72

فَقُلْنَا ٱضْرِبُوهُ بِبَعْضِهَا كَذَٰلِكَ يُحْىِ ٱللَّهُ ٱلْمَوْتَىٰ وَيُرِيكُمْ

lalu Kami berfirman | pukullah oleh kamu (mayat) itu | dengan sebahagian darinya (lembu itu) | demikianlah | menghidupkan | Allah | orang yang telah mati | dan Dia memperlihatkan kepada kamu

ءَايَٰتِهِۦ لَعَلَّكُمْ تَعْقِلُونَ ٧٣ ثُمَّ قَسَتْ قُلُوبُكُم مِّنۢ بَعْدِ ذَٰلِكَ

tanda-tanda kekuasaan-Nya | agar kamu | kamu menggunakan akal | 73 | kemudian | menjadi keras | hati-hati kamu | selepas | (kejadian) itu

فَهِىَ كَٱلْحِجَارَةِ أَوْ أَشَدُّ قَسْوَةً وَإِنَّ مِنَ ٱلْحِجَارَةِ لَمَا يَتَفَجَّرُ

maka ia (hati kamu) | (keras) seperti batu | atau | lebih | keras | padahal sesungguhnya | di antara | batu-batu itu | sungguh ada yang | memancar

مِنْهُ ٱلْأَنْهَٰرُ وَإِنَّ مِنْهَا لَمَا يَشَّقَّقُ فَيَخْرُجُ مِنْهُ ٱلْمَآءُ وَإِنَّ

darinya | sungai-sungai | dan sesungguhnya | darinya | ada yang | terbelah | maka keluarlah | darinya | mata air | dan sesungguhnya

مِنْهَا لَمَا يَهْبِطُ مِنْ خَشْيَةِ ٱللَّهِ وَمَا ٱللَّهُ بِغَٰفِلٍ عَمَّا تَعْمَلُونَ

darinya | ada yang | jatuh | kerana takut | kepada Allah | dan tidaklah | Allah | akan lalai | dari apa yang | kamu usahakan

٧٤ ۞ أَفَتَطْمَعُونَ أَن يُؤْمِنُوا۟ لَكُمْ وَقَدْ كَانَ فَرِيقٌ مِّنْهُمْ

الحزب ٢

74 | adakah kamu sangat berharap | bahawa | mereka akan percaya | kepada kamu | dan sungguh | telah ada | segolongan (para rahib) | dari mereka

يَسْمَعُونَ كَلَٰمَ ٱللَّهِ ثُمَّ يُحَرِّفُونَهُۥ مِنۢ بَعْدِ مَا عَقَلُوهُ

yang mendengar | firman Allah | kemudian | mereka menyelewengkannya | setelah | mereka memahaminya

وَهُمْ يَعْلَمُونَ ٧٥ وَإِذَا لَقُوا۟ ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ قَالُوٓا۟ ءَامَنَّا

padahal mereka | mengetahui | 75 | dan apabila | mereka bertemu | orang-orang yang | beriman | mereka berkata | kami telah beriman

وَإِذَا خَلَا بَعْضُهُمْ إِلَىٰ بَعْضٍ قَالُوٓا۟ أَتُحَدِّثُونَهُم بِمَا فَتَحَ

dan apabila | telah kembali | sebahagian mereka | kepada | sebahagian yang lain | mereka berkata | patutkah kamu menceritakan pada mereka | dengan apa yang | telah diterangkan

ٱللَّهُ عَلَيْكُمْ لِيُحَآجُّوكُم بِهِۦ عِندَ رَبِّكُمْ أَفَلَا تَعْقِلُونَ ٧٦

(oleh) Allah | kepada kamu | agar mereka menyanggah kamu | dengannya | di sisi | Tuhan kamu | maka tidakkah | kamu mengerti | 76

70. Mereka berkata, "Mohonlah kepada Tuhanmu untuk kami agar Dia menjelaskan kepada kami tentang (lembu betina) itu. (Kerana) sesungguhnya lembu itu belum jelas bagi kami dan jika Allah menghendaki, nescaya kami mendapat petunjuk."

71. Dia (Musa) menjawab, "Dia (Allah) berfirman, (lembu) itu adalah lembu betina yang belum pernah dipakai untuk membajak tanah dan tidak (pula) untuk mengairi tanaman, sihat, dan tanpa belang." Mereka berkata, "Sekarang barulah engkau menerangkan (hal) yang sebenarnya." Lalu, mereka menyembelihnya dan mereka hampir tidak melaksanakan (perintah) itu.

72. Dan (ingatlah) ketika kamu membunuh seseorang lalu kamu tuduh-menuduh tentang itu. Tetapi Allah menyingkapkan apa yang kamu sembunyikan.

73. Lalu Kami berfirman, "Pukullah (mayat) itu dengan bahagian daripada (lembu) itu!" Demikianlah Allah menghidupkan (orang) yang telah mati dan Dia memperlihatkan kepadamu tanda-tanda (kekuasaan-Nya) agar kamu mengerti.

74. Kemudian setelah itu hatimu menjadi keras sehingga (hatimu) seperti batu, bahkan lebih keras. Padahal, daripada batu-batu itu pasti ada sungai-sungai yang (airnya) memancar daripadanya. Ada pula yang terbelah lalu keluarlah mata air darinya. Dan ada pula yang meluncur jatuh kerana takut kepada Allah. Dan Allah tidaklah lengah terhadap apa yang kamu kerjakan.

75. Maka apakah kamu (muslimin) sangat mengharapkan mereka akan percaya kepadamu, sedangkan segolongan daripada mereka mendengar firman Allah lalu mereka mengubahnya setelah memahaminya, padahal mereka mengetahuinya?[35]

76. Dan apabila mereka berjumpa dengan orang-orang yang beriman, mereka berkata, "Kami telah beriman." Tetapi apabila kembali kepada sesamanya, mereka bertanya, "Adakah akan kamu menceritakan kepada mereka apa yang telah diterangkan Allah kepadamu sehingga mereka dapat menyanggah kamu di hadapan Tuhanmu? Tidakkah kamu mengerti?"[36]

35. Yang dimaksudkan adalah orang-orang Yahudi di Madinah yang mengubah-ubah isi Taurat, terutamanya mengenai Nabi Muhammad SAW.

36. Di dalam Taurat, diterangkan tentang Nabi Muhammad SAW. yang akan datang sebagai nabi terakhir, tetapi keterangan itu disembunyikan oleh orang Yahudi kerana takut akan memakan diri mereka sendiri.

Iqlab | Mesti berhenti | Lebih utama meneruskan bacaan | Ghunnah | Boleh berhenti
Mad Silah Tawilah | Lebih utama berhenti | Dilarang berhenti | Bila Ghunnah | Boleh berhenti pada satu tanda

77. Dan tidakkah mereka tahu bahawa Allah mengetahui apa yang mereka sembunyikan dan apa yang mereka nyatakan?

78. Dan di antara mereka ada yang buta huruf, tidak memahami Kitab (Taurat) kecuali hanya berangan-angan dan mereka hanya menduga-duga.

79. Maka celakalah orang-orang yang menulis kitab dengan tangan mereka (sendiri) kemudian berkata, "Ini daripada Allah," (dengan bermaksud) untuk menjualnya dengan harga murah. Maka celakalah mereka kerana tulisan tangan mereka dan celakalah mereka kerana apa yang mereka lakukan.[37]

80. Dan mereka berkata, "Neraka tidak akan menyentuh kami kecuali beberapa hari sahaja." Katakanlah, "Sudahkah kamu menerima janji daripada Allah sehingga Allah tidak akan mengingkari janji-Nya, ataukah kamu mengatakan tentang Allah, sesuatu yang tidak kamu ketahui?"

81. Bukan demikian! Barang siapa berbuat keburukan dan dosanya telah menenggelamkannya maka mereka itu penghuni neraka. Mereka kekal di dalamnya.

82. Dan orang-orang yang beriman dan mengerjakan kebajikan, mereka itu penghuni syurga. Mereka kekal di dalamnya.

83. Dan (ingatlah) ketika kami mengambil janji daripada Bani Israel, "Janganlah kamu menyembah selain Allah dan berbuat baiklah kepada kedua orang tua, kaum kerabat, anak-anak yatim, dan orang-orang miskin. Dan bertuturkatalah yang baik kepada manusia, laksanakanlah solat dan tunaikanlah zakat." Tetapi kemudian kamu berpaling (mengingkari) kecuali sebahagian kecil daripada kamu dan kamu (masih menjadi) pembangkang.

37. Memalsukan dan mengubah ayat untuk kepentingan dan keuntungan

Mu'jam — QS Al-Baqarah, 2: 83

تَعْبُدُوا

Al-'Ubudiyyah iaitu menampakkan kehinaan. *Ibadah* merupakan tujuan dari penghinaan diri. Dan tidak layak menghinakan diri kecuali kepada Zat yang memiliki tujuan keutamaan iaitu Allah SWT. Perhatikan Surah Yusuf, 12: 40.

Ibadah ada dua bentuk. Pertama, tunduk dan patuh yang dilakukan oleh seluruh makhluk, baik manusia, haiwan dan tumbuh-tumbuhan, secara sukarela mahupun terpaksa (*taskhir*). Kedua, ibadah yang dilakukan oleh makhluk yang berakal, iaitu manusia (*ikhtiar*) yang diperintah untuk beribadah. Seperti disebutkan dalam Surah Al-Baqarah, 2: 21. (Ar-Ragib Al-Asfahani, *Mu'jam Mufradati Al-Fazil Qur'ani*, 1431 H/2010 M : 240).

أَوَلَا يَعْلَمُونَ أَنَّ ٱللَّهَ يَعْلَمُ مَا يُسِرُّونَ وَمَا يُعْلِنُونَ ٧٧

dan tidakkah mereka mengetahui | bahawasanya | Allah | Dia mengetahui | apa yang | mereka rahsiakan | dan apa yang | mereka nampakkan | 77

وَمِنْهُمْ أُمِّيُّونَ لَا يَعْلَمُونَ ٱلْكِتَٰبَ إِلَّآ أَمَانِىَّ وَإِنْ هُمْ

dan di antara mereka | ada orang-orang yang buta huruf | mereka tidak mengerti (memahami) | Kitab Taurat | kecuali | angan-angan | dan tidaklah | mereka

إِلَّا يَظُنُّونَ ٧٨ فَوَيْلٌ لِّلَّذِينَ يَكْتُبُونَ ٱلْكِتَٰبَ بِأَيْدِيهِمْ

kecuali | (berpegang) pada sangkaan semata | 78 | maka celakalah | bagi orang-orang yang | menulis | kitab (selain kitab suci) | dengan tangan-tangan mereka

ثُمَّ يَقُولُونَ هَٰذَا مِنْ عِندِ ٱللَّهِ لِيَشْتَرُوا۟ بِهِۦ ثَمَنًا قَلِيلًا ۖ

kemudian | mereka berkata | ini (kitab) | dari | sisi | Allah | untuk mereka menjual-belikan | terhadapnya (kitab itu) | dengan harga | yang sedikit (murah)

فَوَيْلٌ لَّهُم مِّمَّا كَتَبَتْ أَيْدِيهِمْ وَوَيْلٌ لَّهُم مِّمَّا يَكْسِبُونَ

maka celakalah | bagi mereka | disebabkan apa yang | telah ditulis | tangan-tangan mereka | dan celakalah | bagi mereka | disebabkan apa yang | telah mereka kerjakan itu

٧٩ وَقَالُوا۟ لَن تَمَسَّنَا ٱلنَّارُ إِلَّآ أَيَّامًا مَّعْدُودَةً ۚ قُلْ

79 | dan mereka berkata | tidak akan | menyentuh kami | api neraka | kecuali | beberapa hari | tertentu | katakanlah

أَتَّخَذْتُمْ عِندَ ٱللَّهِ عَهْدًا فَلَن يُخْلِفَ ٱللَّهُ عَهْدَهُۥٓ ۖ أَمْ تَقُولُونَ

adakah kamu telah membuat | di sisi | Allah | perjanjian | maka Allah tidak akan mengingkari | janji-Nya | atau | kamu mengatakan

عَلَى ٱللَّهِ مَا لَا تَعْلَمُونَ ٨٠ بَلَىٰ مَن كَسَبَ سَيِّئَةً

atas (nama) | Allah | sesuatu yang | tidak kamu ketahui | 80 | benar | sesiapa | yang berbuat | kejahatan (keburukan)

وَأَحَٰطَتْ بِهِۦ خَطِيٓـَٔتُهُۥ فَأُو۟لَٰٓئِكَ أَصْحَٰبُ ٱلنَّارِ ۖ هُمْ

dan meliputi (menguasai) | terhadapnya | kesalahannya (dosa-dosanya) | maka mereka itulah | para penghuni neraka | mereka

فِيهَا خَٰلِدُونَ ٨١ وَٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ وَعَمِلُوا۟ ٱلصَّٰلِحَٰتِ

di dalamnya (neraka) | orang-orang yang kekal | 81 | dan orang-orang yang | beriman | dan mengerjakan kebajikan

أُو۟لَٰٓئِكَ أَصْحَٰبُ ٱلْجَنَّةِ ۖ هُمْ فِيهَا خَٰلِدُونَ ٨٢ وَإِذْ

mereka itulah | para penghuni syurga | mereka | di dalamnya (syurga) | orang-orang yang kekal | 82 | dan ketika

أَخَذْنَا مِيثَٰقَ بَنِىٓ إِسْرَٰٓءِيلَ لَا تَعْبُدُونَ إِلَّا ٱللَّهَ وَبِٱلْوَٰلِدَيْنِ

Kami mengambil | perjanjian | dari Bani Israel (Yaakub bin Ishak) | janganlah | kamu menyembah | kecuali | kepada Allah | dan terhadap kedua orang tua

إِحْسَانًا وَذِى ٱلْقُرْبَىٰ وَٱلْيَتَٰمَىٰ وَٱلْمَسَٰكِينِ وَقُولُوا۟

(hendaknya) berbuat baik | dan (terhadap) kerabat dekat | dan (terhadap) anak-anak yatim | dan (terhadap) orang-orang miskin | dan ucapkanlah

لِلنَّاسِ حُسْنًا وَأَقِيمُوا۟ ٱلصَّلَوٰةَ وَءَاتُوا۟ ٱلزَّكَوٰةَ ثُمَّ

kepada manusia | (perkataan) yang baik | dan dirikanlah oleh kamu | solat | dan tunaikanlah oleh kamu | zakat | kemudian

تَوَلَّيْتُمْ إِلَّا قَلِيلًا مِّنكُمْ وَأَنتُم مُّعْرِضُونَ ٨٣

kamu berpaling | kecuali | sedikit | dari kamu | dan kamu | orang-orang yang berpaling (tidak menunaikan janji itu) | 83

وَإِذْ أَخَذْنَا مِيثَٰقَكُمْ لَا تَسْفِكُونَ دِمَآءَكُمْ وَلَا تُخْرِجُونَ

dan ketika | Kami mengambil | perjanjian (dari) kamu | janganlah kamu menumpahkan | darah (sebahagian dari) kamu | dan janganlah kamu mengeluarkan (mengusir)

أَنفُسَكُم مِّن دِيَٰرِكُمْ ثُمَّ أَقْرَرْتُمْ وَأَنتُمْ تَشْهَدُونَ ٨٤

diri-diri (saudara) kamu | dari | negeri kamu | kemudian | kamu berikrar | dan kamu | bersaksi | 84

ثُمَّ أَنتُمْ هَٰٓؤُلَآءِ تَقْتُلُونَ أَنفُسَكُمْ وَتُخْرِجُونَ فَرِيقًا

kemudian | kamu | orang-orang | kamu membunuh | diri-diri kamu | dan kamu mengusir | segolongan

مِّنكُم مِّن دِيَٰرِهِمْ تَظَٰهَرُونَ عَلَيْهِم بِٱلْإِثْمِ وَٱلْعُدْوَٰنِ

dari kamu | dari | negeri-negeri mereka | kamu saling membantu | dengan mereka | dalam melakukan maksiat | dan permusuhan

وَإِن يَأْتُوكُمْ أُسَٰرَىٰ تُفَٰدُوهُمْ وَهُوَ مُحَرَّمٌ عَلَيْكُمْ

dan jika | mereka datang kepada kamu | sebagai tawanan | kamu menebus mereka | padahal itu | diharamkan | ke atas kamu

إِخْرَاجُهُمْ ۚ أَفَتُؤْمِنُونَ بِبَعْضِ ٱلْكِتَٰبِ وَتَكْفُرُونَ

mengusir mereka | maka adakah kamu beriman | kepada sebahagian (isi) | Kitab (Taurat) | dan kamu mengingkari

بِبَعْضٍ ۚ فَمَا جَزَآءُ مَن يَفْعَلُ ذَٰلِكَ مِنكُمْ إِلَّا خِزْيٌ

kepada sebahagian yang lain | maka tidak ada | balasan | bagi sesiapa yang | (dia) berbuat | demikian itu | dari kamu | kecuali | kehinaan

فِى ٱلْحَيَوٰةِ ٱلدُّنْيَا ۖ وَيَوْمَ ٱلْقِيَٰمَةِ يُرَدُّونَ إِلَىٰٓ أَشَدِّ ٱلْعَذَابِ ۗ

di dalam | kehidupan dunia | dan pada hari kiamat | mereka akan dikembalikan | kepada | yang paling berat | azab

وَمَا ٱللَّهُ بِغَٰفِلٍ عَمَّا تَعْمَلُونَ ٨٥ أُو۟لَٰٓئِكَ ٱلَّذِينَ ٱشْتَرَوُا۟

dan tidaklah | Allah | akan lalai | dari apa yang | kamu kerjakan | 85 | mereka itulah | orang-orang yang | membeli (mengutamakan)

ٱلْحَيَوٰةَ ٱلدُّنْيَا بِٱلْءَاخِرَةِ ۖ فَلَا يُخَفَّفُ عَنْهُمُ ٱلْعَذَابُ وَلَا هُمْ

kehidupan dunia | dengan akhirat | maka tidak | diringankan | atas mereka | azab | dan tidak (pula) | mereka

يُنصَرُونَ ٨٦ وَلَقَدْ ءَاتَيْنَا مُوسَى ٱلْكِتَٰبَ وَقَفَّيْنَا مِنۢ

diberi pertolongan | 86 | dan sungguh benar-benar | Kami telah menganugerahkan | kepada Musa | Kitab (Taurat) | dan Kami telah susuli | dari-pada

بَعْدِهِۦ بِٱلرُّسُلِ ۖ وَءَاتَيْنَا عِيسَى ٱبْنَ مَرْيَمَ ٱلْبَيِّنَٰتِ وَأَيَّدْنَٰهُ

setelahnya (Musa) | dengan rasul-rasul | dan Kami telah memberikan | kepada Isa | putera Maryam | mukjizat (kelebihan) | dan Kami teguhkannya

بِرُوحِ ٱلْقُدُسِ ۗ أَفَكُلَّمَا جَآءَكُمْ رَسُولٌۢ بِمَا لَا تَهْوَىٰٓ أَنفُسُكُمُ

dengan Ruhulkudus (Jibril) | maka patutkah setiap kali | datang kepada kamu | seorang rasul | dengan apa yang | tidak disukai | oleh diri-diri kamu

ٱسْتَكْبَرْتُمْ فَفَرِيقًا كَذَّبْتُمْ وَفَرِيقًا تَقْتُلُونَ ٨٧ وَقَالُوا۟

lalu kamu angkuh | kemudian sebahagian | kamu mendustakan | dan sebahagian lain | kamu membunuhnya | 87 | dan mereka berkata

قُلُوبُنَا غُلْفٌۢ ۚ بَل لَّعَنَهُمُ ٱللَّهُ بِكُفْرِهِمْ فَقَلِيلًا مَّا يُؤْمِنُونَ ٨٨

hati-hati kami | tertutup | bahkan | Allah telah melaknat mereka | kerana keingkaran mereka | maka hanya sedikit sahaja | mereka (yang) beriman | 88

84. Dan (ingatlah) ketika Kami mengambil janji kamu, "Janganlah kamu menumpahkan darahmu (membunuh orang) dan mengusir dirimu (saudara sebangsamu) daripada kampung halamanmu." Kemudian, kamu berikrar dan bersaksi.

85. Kemudian, kamu (Bani Israel) membunuh dirimu (sesamamu) dan mengusir segolongan daripada kamu daripada kampung halamannya. Kamu saling membantu (menghadapi) mereka dalam kejahatan dan permusuhan. Dan jika mereka datang kepadamu sebagai tawanan, kamu tebus mereka, padahal kamu dilarang mengusir mereka. Apakah kamu beriman kepada sebahagian Kitab (Taurat) dan ingkar kepada sebahagian (yang lain)? Maka tidak ada balasan (yang sesuai) bagi orang yang berbuat demikian di antara kamu selain mendapat cacian dalam kehidupan dunia dan pada hari kiamat mereka dikembalikan kepada azab yang paling berat. Dan Allah tidak lengah terhadap apa yang kamu kerjakan.[38]

86. Mereka itulah orang-orang yang membeli kehidupan dunia dengan (kehidupan) akhirat. Maka tidak akan diringankan azabnya dan mereka tidak akan ditolong.

87. Dan sungguh, Kami telah memberikan Kitab (Taurat) kepada Musa, dan Kami susuli setelahnya dengan rasul-rasul, dan Kami telah memberikan kepada Isa putera Maryam bukti-bukti kebenaran serta Kami memperkuat dia dengan Ruhulkudus (Jibril). Mengapa setiap rasul yang datang kepadamu (membawa) sesuatu (pengajaran) yang tidak kamu inginkan, kamu menyombongkan diri, lalu sebahagian kamu dustakan dan sebahagian yang lain kamu bunuh?

88. Dan mereka berkata, "Hati kami tertutup." Tidak! Allah telah melaknat mereka itu kerana keingkaran mereka, tetapi hanya sedikit bilangan mereka yang beriman.

38. Bani Israel melanggar semua janji dan sumpah yang diikrarkan oleh mereka sebagaimana yang disebut dalam ayat 83 dan 84 di atas. Kenyataan sejarah antara dua suku Yahudi di Madinah iaitu Bani

Mu'jam — QS Al-Baqarah, 2: 84

دِمَآء

Lafaz *Dima'a* berkonotasi sama dengan *Ad-Dammu*, dan yang popular dari kata ini adalah *Damiyyun*, sedangkan bentuk *Jamak* (plural) adalah *Dimaun*. Ungkapan *Damiyat* ertinya luka yang mengeluarkan darah. Ungkapan kuda yang *Madmiy* adalah kuda yang berwarna merah kerana teramat perang. Lafaz *Ad-Damiyyatu* yang biasa digunakan untuk boneka ertinya adalah sesuatu yang bagus. Sedangkan sesuatu yang mengeluarkan darah digunakan kata *Damiyatun*. (Ar-Ragib Al-Asfahani, *Mu'jam Mufradati Al-Fazil Qur'ani*, 1431 H/2010 M: 131).

م Iqlab | ـم Mesti berhenti | صلى Lebih utama meneruskan bacaan | Ghunnah | ج Boleh berhenti
Mad Silah Tawilah | قلى Lebih utama berhenti | لا Dilarang berhenti | Bila Ghunnah | ∴ ∴ Boleh berhenti pada satu tanda

89. Dan setelah sampai kepada mereka Kitab (Al-Quran) daripada Allah yang membenarkan apa yang ada pada mereka,[39] sedangkan sebelumnya mereka memohon kemenangan atas orang-orang kafir, ternyata setelah sampai kepada mereka apa yang telah mereka ketahui itu, mereka mengingkarinya. Maka Allah melaknat orang-orang yang ingkar.

90. Sangatlah buruk (perbuatan) mereka menjual dirinya dengan mengingkari apa yang diturunkan oleh Allah kerana dengki bahawa Allah menurunkan kurniaan-Nya kepada siapa yang Dia kehendaki di antara hamba-hamba-Nya.[40] Kerana itulah mereka menanggung kemurkaan demi kemurkaan.[41] Dan kepada orang-orang kafir (ditimpakan) azab yang menghinakan.

91. Dan apabila dikatakan kepada mereka, "Berimanlah kepada apa yang diturunkan Allah (al-Quran)," Mereka menjawab, "Kami beriman kepada apa yang diturunkan kepada kami." Dan mereka ingkar kepada apa yang setelahnya, padahal (al-Quran) itu adalah yang hak yang membenarkan apa yang ada pada mereka. Katakanlah (Muhammad), "Mengapa kamu dahulu membunuh nabi-nabi Allah jika kamu orang-orang beriman?"

92. Dan sungguh, Musa telah datang kepadamu dengan bukti-bukti kebenaran, kemudian kamu mengambil (patung) anak lembu (sebagai sembahan) setelah (pemergian)nya dan kamu (menjadi) orang-orang zalim.

93. Dan (ingatlah) ketika Kami mengambil janji kamu dan Kami angkat Gunung (Sinai) di atasmu (seraya berfirman), "Berpegang teguhlah dengan apa yang Kami berikan kepadamu dan dengarkanlah!" Mereka menjawab, "Kami mendengarkan tetapi kami tidak mentaati." Dan diresapkanlah ke dalam hati mereka itu (kecintaan menyembah patung) anak lembu kerana kekafiran mereka. Katakanlah, "Sangat buruk apa yang diperintahkan oleh kepercayaanmu kepadamu jika kamu orang-orang beriman!"

وَلَمَّا جَآءَهُمۡ كِتَٰبٞ مِّنۡ عِندِ ٱللَّهِ مُصَدِّقٞ لِّمَا مَعَهُمۡ وَكَانُواْ

dan ketika · telah datang kepada mereka · Kitab (al-Quran) · dari · sisi · Allah · yang membenarkan · terhadap apa yang · ada pada mereka · dan adalah mereka

مِن قَبۡلُ يَسۡتَفۡتِحُونَ عَلَى ٱلَّذِينَ كَفَرُواْ فَلَمَّا جَآءَهُم

sebelum itu · mereka meminta kemenangan · ke atas · orang-orang yang · ingkar · maka ketika · telah datang kepada mereka

مَّا عَرَفُواْ كَفَرُواْ بِهِۦۚ فَلَعۡنَةُ ٱللَّهِ عَلَى ٱلۡكَٰفِرِينَ ٨٩

apa yang · mereka ketahui · mereka ingkar · kepadanya (Muhammad) · maka laknat · Allah · atas · orang-orang yang ingkar · 89

بِئۡسَمَا ٱشۡتَرَوۡاْ بِهِۦٓ أَنفُسَهُمۡ أَن يَكۡفُرُواْ بِمَآ أَنزَلَ

sangat buruk apa yang · mereka jual · dengan-nya · diri-diri mereka · untuk mengingkari · terhadap apa yang · menurunkan

ٱللَّهُ بَغۡيًا أَن يُنَزِّلَ ٱللَّهُ مِن فَضۡلِهِۦ عَلَىٰ مَن يَشَآءُ مِنۡ عِبَادِهِۦۖ

Allah · kerana dengki · bahawa Allah menurunkan · sebahagian daripada · kurnia-Nya (wahyu) · kepada · sesiapa yang · Dia kehendaki · dari · hamba-hamba-Nya

فَبَآءُو بِغَضَبٍ عَلَىٰ غَضَبٖۚ وَلِلۡكَٰفِرِينَ عَذَابٞ مُّهِينٞ

maka mereka kembali · dengan kemurkaan · di atas · kemurkaan (lain yang telah lalu) · dan bagi orang-orang kafir · azab · yang menghinakan

٩٠ وَإِذَا قِيلَ لَهُمۡ ءَامِنُواْ بِمَآ أَنزَلَ ٱللَّهُ قَالُواْ نُؤۡمِنُ بِمَآ

90 · dan apabila · dikatakan · kepada mereka · berimanlah kamu · terhadap apa yang · Allah turunkan · mereka berkata · kami beriman · terhadap apa yang

أُنزِلَ عَلَيۡنَا وَيَكۡفُرُونَ بِمَا وَرَآءَهُۥ وَهُوَ ٱلۡحَقُّ مُصَدِّقٗا

diturunkan · kepada kami · dan mereka mengingkari · terhadap apa yang · setelahnya · padahal adalah · (yang) benar · (lagi) membenarkan

لِّمَا مَعَهُمۡۗ قُلۡ فَلِمَ تَقۡتُلُونَ أَنۢبِيَآءَ ٱللَّهِ مِن قَبۡلُ إِن كُنتُم

terhadap apa yang · ada pada mereka · kata-kanlah · maka mengapa · kamu membunuh · para nabi · Allah · sebelumnya (Musa) · jika · kamu adalah

مُّؤۡمِنِينَ ٩١ وَلَقَدۡ جَآءَكُم مُّوسَىٰ بِٱلۡبَيِّنَٰتِ

orang-orang yang beriman · 91 · dan sungguh benar-benar · telah datang kepada kamu · Musa · dengan membawa bukti-bukti mukjizat

¼ الحزب ٢

ثُمَّ ٱتَّخَذۡتُمُ ٱلۡعِجۡلَ مِنۢ بَعۡدِهِۦ وَأَنتُمۡ ظَٰلِمُونَ ٩٢

kemudian · kamu menyembah · anak lembu · setelahnya (Musa) · dan kamu · orang-orang yang zalim · 92

وَإِذۡ أَخَذۡنَا مِيثَٰقَكُمۡ وَرَفَعۡنَا فَوۡقَكُمُ ٱلطُّورَ خُذُواْ

dan ketika · Kami mengambil · perjanjian dari kamu · dan Kami mengangkat · ke atas kamu · Gunung (Sinai) · ambillah (peganglah)

مَآ ءَاتَيۡنَٰكُم بِقُوَّةٖ وَٱسۡمَعُواْۖ قَالُواْ سَمِعۡنَا وَعَصَيۡنَا

apa yang · Kami berikan kepada kamu · dengan kuat (bersungguh-sungguh) · dan dengarlah oleh kamu · mereka berkata · kami dengar (firman-Mu) · dan kami mengingkari

وَأُشۡرِبُواْ فِي قُلُوبِهِمُ ٱلۡعِجۡلَ بِكُفۡرِهِمۡۚ قُلۡ

dan diresapkan · ke dalam · hati-hati mereka · (kesukaan menyembah) anak lembu · kerana kekafiran mereka · katakanlah

بِئۡسَمَا يَأۡمُرُكُم بِهِۦٓ إِيمَٰنُكُمۡ إِن كُنتُم مُّؤۡمِنِينَ ٩٣

sangat buruk apa yang · diperintahkan oleh keimanan kamu terhadap Taurat (berupa penyembahan anak lembu) · jika · kamu adalah · orang-orang yang beriman · 93

Quraizah dan Bani Nadir selalu berperang. Tetapi jika ada orang Yahudi di antara kedua suku itu yang tertawan oleh suku lain, sebagai contoh oleh suku Aus sekutu Bani Quraizah atau suku Khazraj sekutu Bani Nadir, mereka bersatu menebusnya.

39. al-Quran yang juga mengajarkan tauhid yang diajarkan di dalam Taurat.

40. Wahyu (kenabian) kepada Nabi Muhammad SAW.

41. Murka pertama kerana membangkang kepada Nabi Musa a.s. dan murka kedua kerana mengingkari Nabi Muhammad SAW.

Tidak dilafazkan · Mad Thabi'i · Ikhfa · Idzhar · Mad Lazim • Farq · qalqalah · Mad 'Aridh Lissukun · Idgham · Mad Wajib Muttasil · Mad Jaiz Munfasil

قُلْ إِن كَانَتْ لَكُمُ ٱلدَّارُ ٱلْءَاخِرَةُ عِندَ ٱللَّهِ خَالِصَةً مِّن

katakanlah | jika | ada | bagi kamu | negeri akhirat | di sisi | Allah | secara khusus | daripada

دُونِ ٱلنَّاسِ فَتَمَنَّوُا۟ ٱلْمَوْتَ إِن كُنتُمْ صَـٰدِقِينَ ٩٤

selain | manusia | maka berharaplah oleh kamu | kematian | jika | kamu adalah | orang-orang yang benar | 94

وَلَن يَتَمَنَّوْهُ أَبَدًۢا بِمَا قَدَّمَتْ أَيْدِيهِمْ ۗ وَٱللَّهُ عَلِيمٌۢ بِٱلظَّـٰلِمِينَ

dan mereka tidak akan mengharapkannya (kematian) | selamanya | kerana apa yang | dilakukan | oleh tangan-tangan mereka | dan Allah | Maha Mengetahui | terhadap orang-orang yang zalim

٩٥ وَلَتَجِدَنَّهُمْ أَحْرَصَ ٱلنَّاسِ عَلَىٰ حَيَوٰةٍ وَمِنَ ٱلَّذِينَ

95 | dan sungguh engkau benar-benar akan mendapati mereka | paling tamak | (di antara) manusia | di atas | kehidupan (dunia) | dan (bahkan melebihi) dari | orang-orang yang

أَشْرَكُوا۟ ۚ يَوَدُّ أَحَدُهُمْ لَوْ يُعَمَّرُ أَلْفَ سَنَةٍ وَمَا هُوَ بِمُزَحْزِحِهِۦ

musyrik | setiap dari mereka | sekiranya diberi umur | seribu tahun | dan tidaklah ia | akan menjauhkannya

مِنَ ٱلْعَذَابِ أَن يُعَمَّرَ ۗ وَٱللَّهُ بَصِيرٌۢ بِمَا يَعْمَلُونَ ٩٦ قُلْ

dari | azab (neraka) | sekiranya diberikan umur (panjang) | dan Allah | Maha Melihat | terhadap apa yang | mereka kerjakan | 96 | katakanlah (Muhammad)

مَن كَانَ عَدُوًّا لِّجِبْرِيلَ فَإِنَّهُۥ نَزَّلَهُۥ عَلَىٰ قَلْبِكَ بِإِذْنِ ٱللَّهِ

sesiapa yang | telah menjadi | musuh | bagi Jibril | maka sesungguhnya | dia telah menurunkannya | ke dalam | hatimu | dengan izin | Allah

مُصَدِّقًا لِّمَا بَيْنَ يَدَيْهِ وَهُدًى وَبُشْرَىٰ لِلْمُؤْمِنِينَ

yang membenarkan | bagi apa yang | terdahulu | dan menjadi petunjuk | dan memberi khabar gembira | bagi orang-orang yang beriman

٩٧ مَن كَانَ عَدُوًّا لِّلَّهِ وَمَلَـٰٓئِكَتِهِۦ وَرُسُلِهِۦ وَجِبْرِيلَ

97 | sesiapa yang | telah menjadi | musuh | bagi Allah | dan malaikat-malaikat-Nya | dan rasul-rasul-Nya | dan Jibril

وَمِيكَىٰلَ فَإِنَّ ٱللَّهَ عَدُوٌّ لِّلْكَـٰفِرِينَ ٩٨ وَلَقَدْ أَنزَلْنَآ

dan Mikail | maka sesungguhnya | Allah | musuh | bagi orang-orang yang kafir | 98 | dan sungguh benar-benar | Kami telah menurunkan

إِلَيْكَ ءَايَـٰتٍۭ بَيِّنَـٰتٍ ۖ وَمَا يَكْفُرُ بِهَآ إِلَّا ٱلْفَـٰسِقُونَ ٩٩

kepadamu (Muhammad) | ayat-ayat (al-Quran) | yang jelas | dan tidak ada | yang ingkar | terhadapnya | kecuali | orang-orang yang fasik | 99

أَوَكُلَّمَا عَـٰهَدُوا۟ عَهْدًا نَّبَذَهُۥ فَرِيقٌ مِّنْهُم ۚ بَلْ أَكْثَرُهُمْ

dan adakah setiap kali | mereka berjanji (kepada Allah) | dengan perjanjian | sekumpulan dari mereka melemparkan (mengingkari)nya | bahkan | kebanyakan dari mereka

لَا يُؤْمِنُونَ ١٠٠ وَلَمَّا جَآءَهُمْ رَسُولٌ مِّنْ عِندِ ٱللَّهِ

mereka tidak beriman | 100 | dan setelah | datang kepada mereka | seorang Rasul (Muhammad) | dari | sisi | Allah

مُصَدِّقٌ لِّمَا مَعَهُمْ نَبَذَ فَرِيقٌ مِّنَ ٱلَّذِينَ أُوتُوا۟ ٱلْكِتَـٰبَ

(yang) membenarkan | pada apa yang | bersama mereka | melemparkan | segolongan | dari | orang-orang yang | (mereka) diberi | Kitab (Taurat)

كِتَـٰبَ ٱللَّهِ وَرَآءَ ظُهُورِهِمْ كَأَنَّهُمْ لَا يَعْلَمُونَ ١٠١

Kitab Allah | ke belakang | bagian belakang tubuh mereka | seakan-akan mereka | tidak mengetahui (kebenaran di dalamnya) | 101

Iqlab · Mesti berhenti · Lebih utama meneruskan bacaan · Ghunnah · Boleh berhenti · Mad Silah Tawilah · Lebih utama berhenti · Dilarang berhenti · Bila Ghunnah · Boleh berhenti pada satu tanda

94. Katakanlah (wahai Muhammad kepada orang-orang Yahudi) sekiranya syurga negeri akhirat itu di sisi Allah hanya istimewa buat kamu semata-mata tanpa orang-orang yang lain maka cubalah kamu memohon kematian (supaya dimatikan sekarang juga) jika betul kamu orang-orang yang benar.

95. Tetapi mereka tidak akan menginginkan kematian itu sama sekali kerana dosa-dosa yang telah dilakukan dengan tangan-tangan mereka. Dan Allah Maha Mengetahui orang-orang zalim.

96. Dan sesungguhnya, engkau (Muhammad) akan mendapati mereka (orang-orang Yahudi), manusia yang paling tamak akan kehidupan (dunia), bahkan (lebih tamak) daripada orang-orang musyrik.[42] Masing-masing daripada mereka ingin diberi umur seribu tahun, padahal umur yang panjang itu tidak akan menjauhkan mereka daripada azab. Dan Allah Maha Melihat apa yang mereka lakukan.

97. Katakanlah (Muhammad), "Barang siapa yang menjadi musuh Jibril maka (ketahuilah) bahawa dialah yang telah menurunkan (al-Quran) ke dalam hatimu dengan izin Allah, membenarkan (kitab-kitab) yang terdahulu, dan menjadi petunjuk serta berita gembira bagi orang-orang beriman."

98. Barang siapa menjadi musuh Allah, malaikat-malaikat-Nya, rasul-rasul-Nya, Jibril, dan Mikail, maka sesungguhnya Allah musuh bagi orang-orang kafir.

99. Dan Kami telah menurunkan ayat-ayat yang jelas kepadamu (Muhammad) dan tidak ada yang mengingkarinya selain orang-orang fasik.

100. Dan mengapa setiap kali mereka mengikat janji, sekumpulan daripada mereka melanggarnya? Sedangkan sebahagian besar daripada mereka tidak beriman.

101. Dan setelah datang kepada mereka seorang Rasul (Muhammad) daripada Allah yang membenarkan apa yang ada pada mereka, sebahagian daripada orang-orang yang diberi Kitab (Taurat) melemparkan Kitab Allah itu ke belakang (tubuh), seakan-akan mereka tidak mengetahui.

42. Musyrik adalah orang yang mempersekutukan Allah dengan yang lain.

Mu'jam — QS Al-Baqarah, 2: 94

خَالِصَةً

Al-Khāliṣ adalah murni seperti kalimat *Aṣ-Ṣāfi* yang ertinya bersih. Perbezaannya adalah bahwa *Al-Khāliṣ* itu bererti hilang kotorannya setelah sebelumnya ada, sedangkan *Aṣ-Ṣāfi* berarti bersih tidak ada kotoran di dalamnya. Keikhlasan seorang mukmin adalah berlepas diri daripada seruan Yahudi untuk menyerupakan (Allah) dan Nasrani dalam triniti. Hakikat ikhlas adalah berlepas diri daripada semua, selain Allah SWT. (Ar-Rāgib Al-Aṣfahāni, *Mu'jam Mufradāti Al-Fāẓil Qur'āni*, 1431 H/2010 M: 118).

102. Dan mereka mengikuti apa yang dibaca oleh syaitan-syaitan pada masa Kerajaan Sulaiman. Sulaiman itu tidak kafir tetapi syaitan-syaitan itulah yang kafir, mereka mengajarkan sihir kepada manusia dan apa yang diturunkan kepada dua malaikat di negeri Babilonia, iaitu Harut dan Marut. Padahal, mereka tidak mengajarkan sesuatu kepada seseorang sebelum mengatakan, "Sesungguhnya kami hanyalah ujian (bagimu), sebab itu janganlah kafir." Maka mereka mempelajari daripada keduanya (malaikat itu) apa yang (dapat) memisahkan antara seorang (suami) dengan isterinya. Mereka tidak akan dapat mencelakakan seseorang dengan sihirnya kecuali dengan izin Allah. Mereka mempelajari sesuatu yang mencelakakan dan tidak memberi manfaat kepada mereka. Dan sesungguhnya, mereka sudah tahu, barang siapa membeli (menggunakan sihir) itu, nescaya tidak akan mendapat keuntungan di akhirat. Dan sesungguhnya, sangatlah buruk perbuatan mereka yang menjual dirinya dengan sihir, sekiranya mereka tahu.

103. Dan jika mereka beriman dan bertakwa, pahala daripada Allah pasti lebih baik, sekiranya mereka tahu.

104. Wahai orang-orang yang beriman! Janganlah kamu katakan Ra'ina,[43] tetapi katakanlah, "Unzurna," dan dengarkanlah. Dan orang-orang kafir akan mendapat azab yang pedih.

105. Orang-orang yang kafir daripada Ahli Kitab dan orang-orang musyrik tidak menginginkan diturunkannya kepadamu suatu kebaikan daripada Tuhanmu. Tetapi secara khusus Allah memberikan rahmat-Nya kepada orang yang Dia kehendaki. Dan Allah pemilik kurniaan yang besar.

43. Ra'ina bermaksud perhatikanlah kami. Tetapi orang-orang Yahudi bersungut mengucapkannya sehingga yang mereka maksudkan ialah Ru'unah yang bererti sangat bodoh, sebagai ejekan kepada Rasulullah SAW. Oleh yang demikian, Allah menyuruh sahabat-sahabat menukar Ra'ina dengan Unzurna yang sama maksudnya dengan Ra'ina.

Mu'jam — QS Al-Baqarah, 2: 102

اَلسِّحْرَ

As-sihr (sihir) adalah hujung kerongkong dan paru-paru. Lafaz sihir dipakai dalam beberapa makna. *Pertama*, Penipuan dan khayalan, tidak ada hakikatnya, seperti yang dilakukan para penyihir dengan mengalihkan pandangan dari apa yang sedang dia lakukan dengan kecepatan tangannya. *Kedua*, Meminta pertolongan syaitan dengan melakukan sajian. *Ketiga*, Dapat menutupi ketidakjelasan, yang salah satu kekuatannya boleh mengubah bentuk dan tabiat, seperti membuat manusia menjadi keldai. Hal seperti itu tidaklah nyata bagi orang-orang yang mempunyai ilmunya. (Ar-Ragib Al-Asfahani, *Mu'jam Mufradati Al-Fazil Qur'ani*, 1431 H/2010 M: 170).

وَاتَّبَعُوا مَا تَتْلُوا الشَّيَاطِينُ عَلَىٰ مُلْكِ سُلَيْمَانَ ۖ وَمَا كَفَرَ
dan mereka mengikuti | apa yang | dibaca oleh syaitan-syaitan (ajaran-ajaran sihir) | ketika | (masa) kerajaan | Sulaiman | dan tidaklah | kafir

سُلَيْمَانُ وَلَٰكِنَّ الشَّيَاطِينَ كَفَرُوا يُعَلِّمُونَ النَّاسَ
Sulaiman | akan tetapi | syaitan-syaitan itulah | (yang) kafir | mereka mengajarkan | kepada manusia

السِّحْرَ وَمَا أُنْزِلَ عَلَى الْمَلَكَيْنِ بِبَابِلَ هَارُوتَ وَمَارُوتَ ۚ
(ilmu) sihir | dan apa yang | diturun-kan | ke atas | dua malaikat | di (negeri) Babilonia | iaitu *Hārūt* | dan *Mārūt*

وَمَا يُعَلِّمَانِ مِنْ أَحَدٍ حَتَّىٰ يَقُولَا إِنَّمَا نَحْنُ فِتْنَةٌ فَلَا تَكْفُرْ ۖ
dan tidaklah | kedua-duanya mengajarkan | kepada seorang pun | sampai | kedua-duanya berkata | sesung-guhnya | kami | sebuah ujian | maka janganlah | kamu men-jadi kufur

فَيَتَعَلَّمُونَ مِنْهُمَا مَا يُفَرِّقُونَ بِهِ بَيْنَ الْمَرْءِ وَزَوْجِهِ ۚ
lalu mereka mempelajari | dari kedua-duanya | apa yang | mereka dapat memisahkan | dengannya (ilmu sihir itu) | antara | seorang (suami) | dan isterinya

وَمَا هُمْ بِضَارِّينَ بِهِ مِنْ أَحَدٍ إِلَّا بِإِذْنِ اللَّهِ ۚ وَيَتَعَلَّمُونَ
dan tidaklah | mereka | dapat memudaratkan | dengan-nya | terhadap seorang pun | kecuali | dengan izin | Allah | dan mereka mempelajari

مَا يَضُرُّهُمْ وَلَا يَنْفَعُهُمْ ۚ وَلَقَدْ عَلِمُوا لَمَنِ اشْتَرَاهُ
apa yang | mencelakakan mereka | dan tidak | memberi manfaat (kepada) mereka | dan sungguh benar-benar | mereka telah mengetahui | nescaya sesiapa yang | membelinya

مَا لَهُ فِي الْآخِرَةِ مِنْ خَلَاقٍ ۚ وَلَبِئْسَ مَا شَرَوْا بِهِ
tidak (ada) | bagi-nya | di | akhirat | bahagian yang baik (syurga) | dan sangat buruk | apa yang | mereka jual-belikan | dengannya

أَنْفُسَهُمْ ۚ لَوْ كَانُوا يَعْلَمُونَ ﴿١٠٢﴾ وَلَوْ أَنَّهُمْ آمَنُوا
diri-diri mereka | sekiranya | mereka | mereka mengetahui | 102 | dan jika sesungguh-nya mereka | beriman

وَاتَّقَوْا لَمَثُوبَةٌ مِنْ عِنْدِ اللَّهِ خَيْرٌ ۖ لَوْ كَانُوا يَعْلَمُونَ ﴿١٠٣﴾
dan bertakwa | pasti pahala | dari | sisi | Allah | lebih baik | sekira-nya | mereka telah | mengetahui

﴿١٠٣﴾ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا لَا تَقُولُوا رَاعِنَا وَقُولُوا
103 | wahai | orang-orang yang | beriman | jangan-lah | kamu berkata | *rā'inā* (perhatikan kami) | dan katakanlah oleh kamu

انْظُرْنَا وَاسْمَعُوا ۗ وَلِلْكَافِرِينَ عَذَابٌ أَلِيمٌ ﴿١٠٤﴾
unzhurnā (perhatikanlah kami) | dan dengarkanlah (apa yang diperintahkan) | dan bagi orang-orang kafir | azab | pedih (neraka) | 104

مَا يَوَدُّ الَّذِينَ كَفَرُوا مِنْ أَهْلِ الْكِتَابِ وَلَا الْمُشْرِكِينَ
tidak-lah | meng-inginkan | orang-orang yang | kafir | daripada | Ahli Kitab | dan tidak juga | orang-orang musyrik

أَنْ يُنَزَّلَ عَلَيْكُمْ مِنْ خَيْرٍ مِنْ رَبِّكُمْ ۗ وَاللَّهُ يَخْتَصُّ
untuk diturunkan | ke atas kamu | kebaikan (wahyu) | dari | Tuhan kamu | dan Allah | meng-khususkan

بِرَحْمَتِهِ مَنْ يَشَاءُ ۚ وَاللَّهُ ذُو الْفَضْلِ الْعَظِيمِ ﴿١٠٥﴾
dengan rahmat-Nya (mengangkat kenabian) | (kepada) sesiapa yang | Dia kehendaki | dan Allah | pemilik kurniaan | yang sangat agung | 105

٢/٤ الحزب ٢

مَا نَنسَخْ مِنْ ءَايَةٍ أَوْ نُنسِهَا نَأْتِ بِخَيْرٍ مِّنْهَآ أَوْ مِثْلِهَآ ۗ

yang sebanding dengannya | atau | darinya | dengan yang lebih baik | pasti Kami datangkan | Kami tangguhkan | atau | suatu ayat (al-Quran) | dari-pada | Kami *nasakh* (batalkan) | apa yang

أَلَمْ تَعْلَمْ أَنَّ ٱللَّهَ عَلَىٰ كُلِّ شَىْءٍ قَدِيرٌ ﴿١٠٦﴾ أَلَمْ تَعْلَمْ أَنَّ ٱللَّهَ لَهُۥ

bagi-Nya | Allah | sesung-guhnya | kamu mengetahui | tidak-kah | 106 | Maha-kuasa | sesuatu | segala | di atas | Allah | sesung-guhnya | kamu mengetahui | tidak-kah

مُلْكُ ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلْأَرْضِ ۗ وَمَا لَكُم مِّن دُونِ ٱللَّهِ مِن

dari | selain Allah | dari | bagi kamu | dan tidak ada | dan bumi | langit-langit | kerajaan (kekuasaan)

وَلِىٍّ وَلَا نَصِيرٍ ﴿١٠٧﴾ أَمْ تُرِيدُونَ أَن تَسْـَٔلُوا۟ رَسُولَكُمْ

(kepada) Rasul kamu | kamu meminta | kamu menghendaki | adakah | 107 | dan tidak ada seorang penolong | seorang pelindung

كَمَا سُئِلَ مُوسَىٰ مِن قَبْلُ ۗ وَمَن يَتَبَدَّلِ ٱلْكُفْرَ بِٱلْإِيمَٰنِ

dengan keimanan | kekafiran | menggantikan (memilih) | dan sesiapa yang | sebelumnya | (kepada) Musa | diminta | seperti apa yang

فَقَدْ ضَلَّ سَوَآءَ ٱلسَّبِيلِ ﴿١٠٨﴾ وَدَّ كَثِيرٌ مِّنْ أَهْلِ

Ahli | daripada | kebanyakan | meng-inginkan | 108 | (daripada) jalan yang lurus | (ia) tersesat | maka sungguh

ٱلْكِتَٰبِ لَوْ يَرُدُّونَكُم مِّنۢ بَعْدِ إِيمَٰنِكُمْ كُفَّارًا حَسَدًا

(kerana) dengki | (menjadi) kafir | keimanan kamu | setelah | sekiranya mereka mengembalikan kamu | Kitab (Yahudi dan Nasrani)

مِّنْ عِندِ أَنفُسِهِم مِّنۢ بَعْدِ مَا تَبَيَّنَ لَهُمُ ٱلْحَقُّ ۖ فَٱعْفُوا۟

maka maafkan-lah oleh kamu | kebenaran | bagi mereka | jelas (dalam Taurat) | setelah apa yang | diri-diri mereka | (yang timbul) daripada

وَٱصْفَحُوا۟ حَتَّىٰ يَأْتِىَ ٱللَّهُ بِأَمْرِهِۦٓ ۗ إِنَّ ٱللَّهَ عَلَىٰ كُلِّ شَىْءٍ قَدِيرٌ

Maha-kuasa | sesuatu | segala | ke atas | Allah | sung-guh | perintah-Nya | Allah mendatangkan | se-hingga | dan berlapang-dadalah

﴿١٠٩﴾ وَأَقِيمُوا۟ ٱلصَّلَوٰةَ وَءَاتُوا۟ ٱلزَّكَوٰةَ ۚ وَمَا تُقَدِّمُوا۟ لِأَنفُسِكُم

untuk diri kamu | kamu per-sembahkan | dan apa yang | zakat | dan tunaikanlah oleh kamu | solat | dan dirikanlah oleh kamu | 109

مِّنْ خَيْرٍ تَجِدُوهُ عِندَ ٱللَّهِ ۗ إِنَّ ٱللَّهَ بِمَا تَعْمَلُونَ بَصِيرٌ

Maha Melihat | kamu kerjakan | terhadap apa yang | Allah | sesung-guhnya | Allah | di sisi | kamu mendapatkan-nya | kebaikan | dari-pada

﴿١١٠﴾ وَقَالُوا۟ لَن يَدْخُلَ ٱلْجَنَّةَ إِلَّا مَن كَانَ هُودًا أَوْ نَصَٰرَىٰ ۗ

Nasrani | atau | Yahudi | menjadi | sesiapa yang | kecuali | syurga | tidak akan masuk | dan mereka berkata | 110

تِلْكَ أَمَانِيُّهُمْ ۗ قُلْ هَاتُوا۟ بُرْهَٰنَكُمْ إِن كُنتُمْ

kamu adalah | jika | bukti nyata kamu | datangkanlah oleh kamu | kata-kanlah | angan-angan mereka | itulah

صَٰدِقِينَ ﴿١١١﴾ بَلَىٰ مَنْ أَسْلَمَ وَجْهَهُۥ لِلَّهِ وَهُوَ مُحْسِنٌ

orang yang melaku-kan kebaikan | dan dia | untuk Allah | dirinya | menyerahkan | siapa yang | akan tetapi | 111 | orang-orang yang benar

فَلَهُۥٓ أَجْرُهُۥ عِندَ رَبِّهِۦ وَلَا خَوْفٌ عَلَيْهِمْ وَلَا هُمْ يَحْزَنُونَ ﴿١١٢﴾

112 | bersedih hati | mereka | dan tidak | ke atas diri mereka | rasa takut | dan tidak | Tuhan-nya | di sisi | pahala amalannya | maka baginya

Iqlab | Mesti berhenti | Lebih utama meneruskan bacaan | Ghunnah | Boleh berhenti
Mad Silah Tawilah | Lebih utama berhenti | Dilarang berhenti | Bila Ghunnah | Boleh berhenti pada satu tanda

106. Ayat yang Kami batalkan atau Kami hilangkan daripada ingatan, pasti Kami ganti dengan yang lebih baik atau yang sebanding dengannya. Tidakkah kamu tahu bahawa Allah Maha Berkuasa atas segala sesuatu?

107. Tidakkah kamu tahu bahawa Allah memiliki kerajaan langit dan bumi? Dan tidak ada bagimu pelindung dan penolong selain Allah.

108. Atau kamu hendak meminta kepada Rasulmu (Muhammad) seperti halnya Musa (pernah) diminta (Bani Israel) dahulu? Barang siapa mengganti keimanan dengan kekafiran, maka sesungguhnya, dia telah sesat daripada jalan yang lurus.

109. Ramai dalam kalangan Ahli Kitab menginginkan sekiranya mereka dapat mengembalikan kamu setelah kamu beriman, menjadi kafir kembali, kerana rasa dengki dalam diri mereka setelah kebenaran jelas bagi mereka. Maka maafkanlah dan berlapang dadalah sehingga Allah memberi perintah-Nya. Sesungguhnya, Allah Maha Berkuasa atas segala sesuatu.

110. Dan laksanakanlah solat dan tunaikanlah zakat. Dan segala kebaikan yang kamu kerjakan untuk dirimu, kamu akan mendapatkannya (pahala) di sisi Allah. Sungguh, Allah Maha Melihat apa yang kamu kerjakan.

111. Dan mereka (Yahudi dan Nasrani) berkata, "Tidak akan masuk syurga kecuali orang Yahudi atau Nasrani." Itu (hanya) angan-angan mereka. Katakanlah, "Tunjukkan bukti kebenaranmu jika kamu orang yang benar."[44]

112. Tidak! Barang siapa menyerahkan diri sepenuhnya kepada Allah dan dia berbuat baik, dia mendapat pahala di sisi Tuhannya dan tidak ada rasa takut pada mereka dan mereka tidak bersedih hati.

44. Orang Yahudi mengatakan, mereka sahaja yang akan masuk ke dalam syurga. Orang Nasrani pula mengatakan bahawa, hanya mereka yang akan masuk ke dalam syurga.

Hadis Sahih (ayat 94)

Daripada Ibnu Mas'ud r.a., Nabi SAW bersabda, *"Sesungguhnya kejujuran akan membimbing pada kebaikan, dan kebaikan akan membimbing ke syurga. Sesungguhnya jika seseorang sentiasa berlaku jujur, maka dia akan dicatat di sisi Allah sebagai orang yang jujur. Dan sesungguhnya kebohongan itu akan membimbing pada kejahatan, dan sesungguhnya kejahatan itu akan mengiringi ke neraka. Dan sesungguhnya jika seseorang selalu berdusta, maka akan dicatat di sisi Allah sebagai seorang pendusta."* (Hadis Riwayat Bukhari). (An-Nawawi, Riyadus Salihin, No. Hadis 54, 2010 M: 33).

وَقَالَتِ ٱلْيَهُودُ لَيْسَتِ ٱلنَّصَٰرَىٰ عَلَىٰ شَىْءٍ وَقَالَتِ ٱلنَّصَٰرَىٰ

dan berkata | orang-orang Yahudi | tidaklah | orang-orang Nasrani | (ber-pegang) pada | sesuatu | dan berkata | orang-orang Nasrani

لَيْسَتِ ٱلْيَهُودُ عَلَىٰ شَىْءٍ وَهُمْ يَتْلُونَ ٱلْكِتَٰبَ ۗ كَذَٰلِكَ قَالَ

tidaklah | orang-orang Yahudi | (ber-pegang) pada | sesuatu | dan mereka | membaca | Kitab (Taurat dan Injil) | seperti itu juga | telah berkata

ٱلَّذِينَ لَا يَعْلَمُونَ مِثْلَ قَوْلِهِمْ ۚ فَٱللَّهُ يَحْكُمُ بَيْنَهُمْ يَوْمَ ٱلْقِيَٰمَةِ

orang-orang yang | tidak mengetahui (orang musyrik Arab) | seperti | ucapan mereka | maka Allah | mengadili | di antara mereka | pada hari kiamat

فِيمَا كَانُوا۟ فِيهِ يَخْتَلِفُونَ ﴿١١٣﴾ وَمَنْ أَظْلَمُ مِمَّن مَّنَعَ مَسَٰجِدَ

tentang apa yang | mereka dahulu | di dalam-nya | mereka perselisihkan | 113 | dan siapa-kah yang | lebih zalim | dari orang yang | melarang | masjid-masjid

ٱللَّهِ أَن يُذْكَرَ فِيهَا ٱسْمُهُۥ وَسَعَىٰ فِى خَرَابِهَآ ۚ أُو۟لَٰٓئِكَ مَا كَانَ

Allah | untuk disebut | di dalamnya | nama-Nya | dan berusaha | untuk | merosakkannya | mereka itulah | tidak diperkenankan

لَهُمْ أَن يَدْخُلُوهَآ إِلَّا خَآئِفِينَ ۚ لَهُمْ فِى ٱلدُّنْيَا خِزْىٌ

bagi mereka | untuk memasukinya | kecuali | orang-orang yang takut | bagi mereka | di | dunia | kehinaan (dengan dibunuh/ditawan)

وَلَهُمْ فِى ٱلْءَاخِرَةِ عَذَابٌ عَظِيمٌ ﴿١١٤﴾ وَلِلَّهِ ٱلْمَشْرِقُ وَٱلْمَغْرِبُ ۚ

dan bagi mereka | di | akhirat | azab | yang sangat berat (neraka) | 114 | dan hanya milik Allah | (arah) timur | dan (arah) barat

فَأَيْنَمَا تُوَلُّوا۟ فَثَمَّ وَجْهُ ٱللَّهِ ۚ إِنَّ ٱللَّهَ وَٰسِعٌ عَلِيمٌ ﴿١١٥﴾

maka di mana sahaja | kamu meng-hadapkan | maka di sanalah | wajah (keredha-an) Allah | sesungguhnya Allah | Maha Luas | Maha Mengetahui | 115

وَقَالُوا۟ ٱتَّخَذَ ٱللَّهُ وَلَدًا ۗ سُبْحَٰنَهُۥ ۖ بَل لَّهُۥ مَا فِى ٱلسَّمَٰوَٰتِ

dan mereka berkata | Allah menjadikan | anak lelaki | Maha Suci Allah | bah-kan | Milik-Nyalah | apa yang | di | langit

وَٱلْأَرْضِ ۖ كُلٌّ لَّهُۥ قَٰنِتُونَ ﴿١١٦﴾ بَدِيعُ ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلْأَرْضِ ۖ

dan bumi | masing-masing | kepada-Nya | tunduk | 116 | Pencipta | langit-langit | dan bumi

وَإِذَا قَضَىٰٓ أَمْرًا فَإِنَّمَا يَقُولُ لَهُۥ كُن فَيَكُونُ ﴿١١٧﴾ وَقَالَ ٱلَّذِينَ

dan apabila | Dia telah menentukan | (suatu) perkara | maka hanyasanya | Dia berkata | kepada-nya | jadi-lah | maka jadilah ia | 117 | dan berkata | orang-orang yang

لَا يَعْلَمُونَ لَوْلَا يُكَلِّمُنَا ٱللَّهُ أَوْ تَأْتِينَآ ءَايَةٌ ۗ كَذَٰلِكَ

tidak mengetahui (orang musyrik Arab) | mengapa tidak | Allah berbicara kepada kami | atau | tanda (kekuasaan-Nya) datang kepada kami | seperti itu

قَالَ ٱلَّذِينَ مِن قَبْلِهِم مِّثْلَ قَوْلِهِمْ ۘ تَشَٰبَهَتْ قُلُوبُهُمْ ۗ

telah berkata | orang-orang yang | sebelum mereka (umat terdahulu) | seperti | perkataan mereka | telah serupa | hati-hati mereka

قَدْ بَيَّنَّا ٱلْءَايَٰتِ لِقَوْمٍ يُوقِنُونَ ﴿١١٨﴾ إِنَّآ أَرْسَلْنَٰكَ

sesung-guhnya | Kami telah menjelaskan | tanda-tanda (kekuasaan) | kepada kaum | mereka yang yakin | 118 | sesungguhnya Kami | Kami telah mengutusmu

بِٱلْحَقِّ بَشِيرًا وَنَذِيرًا ۖ وَلَا تُسْـَٔلُ عَنْ أَصْحَٰبِ ٱلْجَحِيمِ ﴿١١٩﴾

dengan kebenaran | sebagai pembawa berita gembira | dan penyampai peringatan | dan kamu tidak akan ditanya | tentang | para penghuni neraka jahim | 119

113. Dan orang Yahudi berkata, "Orang Nasrani itu tidak memiliki sesuatu (pegangan)," dan orang-orang Nasrani (juga) berkata, "Orang-orang Yahudi tidak memiliki sesuatu (pegangan)," padahal mereka membaca kitab. Demikian pula orang-orang yang tidak berilmu, berkata seperti apa yang mereka ucapkan itu. Maka Allah akan mengadili mereka pada hari kiamat, tentang apa yang mereka perselisihkan.

114. Dan siapakah yang lebih zalim daripada orang yang melarang di dalam masjid-masjid Allah untuk menyebut nama-Nya dan berusaha merobohkannya? Mereka itu tidak layak memasukinya kecuali dengan rasa takut (kepada Allah). Mereka mendapat penghinaan di dunia dan di akhirat mendapat azab yang berat.

115. Dan milik Allah Timur dan Barat. Ke mana pun kamu menghadap, maka di situlah arah yang diredhai Allah. Sungguh, Allah Maha Luas, Maha Mengetahui.

116. Dan mereka berkata, "Allah mempunyai anak." Maha Suci Allah, bahkan milik-Nyalah apa yang di langit dan di bumi. Semua tunduk kepada-Nya.

117. (Allah) Pencipta langit dan bumi. Apabila Dia hendak menetapkan sesuatu, Dia hanya berkata kepadanya, "Jadilah!" Maka jadilah sesuatu itu.

118. Dan orang-orang yang tidak mengetahui berkata, "Mengapa Allah tidak berbicara dengan kita atau datang tanda-tanda (kekuasaan-Nya) kepada kita?" Demikian pula orang-orang yang sebelum mereka telah berkata seperti apa yang di ucapan mereka itu. Hati mereka serupa. Sesungguhnya telah Kami jelaskan tanda-tanda (kekuasaan Kami) kepada orang-orang yang yakin.

119. Sungguh, Kami telah mengutusmu (Muhammad) dengan kebenaran, sebagai pembawa berita gembira dan pemberi peringatan. Dan engkau tidak akan diminta (pertanggungjawaban) tentang penghuni-penghuni neraka.

Mu'jam — QS Al-Baqarah, 2: 115

ٱلْمَشْرِقُ

Waktu terbit adalah *Al-Masyriqu* dan waktu terbenam adalah *Al-Magribu*. Apabila keduanya berbentuk *Mufrad* (tunggal), maka mengisyaratkan kepada arah *Asy-Syarqu* (timur) dan *Al-Garbu* (barat). Apabila keduanya berbentuk *Musanna* (dua) maka menggunakan *Al-Masyriqain* dan *Al-Magribain* yang bererti menunjukkan dua tempat terbit dan dua tempat terbenam di waktu musim dingin dan musim panas. Dan apabila berbentuk *Jamak'* (plural), maka menunjukkan tempat terbit dan terbenamnya matahari setiap hari, atau tempat terbit dan tempat terbenam matahari setiap musim. (Ar-Ragib Al-Asfahani, *Mu'jam Mufradati Al-Fazil Qur'ani*, 1431 H/2010 M: 195).

ٱلْوَىٰ Tidak dilafazkan | Ikhfa | Mad Lazim • Farq | Mad 'Aridh Lissukun | Mad Wajib Muttasil
اوى Mad Thabi'i | Idzhar | qalqalah | Idgham | Mad Jaiz Munfasil

وَلَن تَرْضَىٰ عَنكَ ٱلْيَهُودُ وَلَا ٱلنَّصَٰرَىٰ حَتَّىٰ تَتَّبِعَ مِلَّتَهُمْ ۗ قُلْ إِنَّ

dan tidak akan | rela | kepadamu | orang-orang Yahudi | dan tidak pula | orang-orang Nasrani | sehingga | engkau mengikuti | agama mereka | katakanlah | sesungguhnya

هُدَى ٱللَّهِ هُوَ ٱلْهُدَىٰ ۗ وَلَئِنِ ٱتَّبَعْتَ أَهْوَآءَهُم بَعْدَ ٱلَّذِى جَآءَكَ

petunjuk Allah (Islam) | ia | petunjuk | dan sungguh jika | kamu mengikuti | kemahuan mereka | sesudah | apa yang | telah datang kepadamu

مِنَ ٱلْعِلْمِ ۙ مَا لَكَ مِنَ ٱللَّهِ مِن وَلِىٍّ وَلَا نَصِيرٍ ﴿١٢٠﴾ ٱلَّذِينَ ءَاتَيْنَٰهُمُ

berupa | pengetahuan | tidak (ada) | bagimu | dari | Allah | dari | pelindung | dan tidak pula | penolong | 120 | orang-orang yang | telah Kami beri

ٱلْكِتَٰبَ يَتْلُونَهُۥ حَقَّ تِلَاوَتِهِۦٓ أُو۟لَٰٓئِكَ يُؤْمِنُونَ بِهِۦ ۗ وَمَن يَكْفُرْ بِهِۦ

Kitab | mereka membacanya | sebenar-benar | bacaannya | mereka itulah | mereka beriman | kepadanya | dan siapa yang | ingkar kepadanya

فَأُو۟لَٰٓئِكَ هُمُ ٱلْخَٰسِرُونَ ﴿١٢١﴾ يَٰبَنِىٓ إِسْرَٰٓءِيلَ ٱذْكُرُوا۟ نِعْمَتِىَ ٱلَّتِىٓ

maka mereka itulah | orang-orang yang rugi | 121 | wahai Bani Israel (Yaakub bin Ishak) | ingatlah kamu | (akan) nikmat-Ku | yang

أَنْعَمْتُ عَلَيْكُمْ وَأَنِّى فَضَّلْتُكُمْ عَلَى ٱلْعَٰلَمِينَ ﴿١٢٢﴾ وَٱتَّقُوا۟ يَوْمًا

telah Aku anugerahkan | kepada kamu | dan bahawa Aku | Aku telah utamakan kamu | ke atas | seluruh umat | 122 | dan takutlah kamu | (kepada) hari

لَّا تَجْزِى نَفْسٌ عَن نَّفْسٍ شَيْـًٔا وَلَا يُقْبَلُ مِنْهَا عَدْلٌ وَلَا تَنفَعُهَا

tidak dapat | membela | seseorang | terhadap | orang lain | sedikit pun | dan tidak | diterima | dari nya | tebusan | dan tidak | bermanfaat baginya

شَفَٰعَةٌ وَلَا هُمْ يُنصَرُونَ ﴿١٢٣﴾ ۞ وَإِذِ ٱبْتَلَىٰٓ إِبْرَٰهِۦمَ رَبُّهُۥ بِكَلِمَٰتٍ

٣/٤ الحزب ٢

syafaat | dan tidaklah | mereka | akan ditolong (dari azab) | 123 | dan ketika | telah diuji | (kepada) Ibrahim | Tuhannya | dengan kalimat-kalimat

فَأَتَمَّهُنَّ ۖ قَالَ إِنِّى جَاعِلُكَ لِلنَّاسِ إِمَامًا ۖ قَالَ وَمِن ذُرِّيَّتِى ۖ قَالَ لَا

maka ia menyempurnakan itu | Dia berfirman | sesungguhnya Aku | menjadikan kamu | bagi manusia | pemimpin | dia berkata | dan daripada | keturunanku | Dia berfirman | tidak

يَنَالُ عَهْدِى ٱلظَّٰلِمِينَ ﴿١٢٤﴾ وَإِذْ جَعَلْنَا ٱلْبَيْتَ مَثَابَةً لِّلنَّاسِ

dapat (berlaku) | janji-Ku | (bagi) orang-orang yang zalim | 124 | dan ketika | Kami menjadikan | rumah ini (Kaabah) | (sebagai) tempat berkumpul | bagi manusia

وَأَمْنًا وَٱتَّخِذُوا۟ مِن مَّقَامِ إِبْرَٰهِۦمَ مُصَلًّى ۖ وَعَهِدْنَآ إِلَىٰٓ إِبْرَٰهِۦمَ

dan tempat yang aman | dan kamu jadikanlah | daripada | *maqam Ibrahim* (tempat berdiri Nabi Ibrahim) | (sebagai) tempat solat | dan Kami memerintahkan | kepada | Ibrahim

وَإِسْمَٰعِيلَ أَن طَهِّرَا بَيْتِىَ لِلطَّآئِفِينَ وَٱلْعَٰكِفِينَ وَٱلرُّكَّعِ

dan Ismail | agar | kedua-duanya membersihkan | rumah-Ku (Kaabah) | untuk orang-orang yang *tawaf* | dan orang-orang yang iktikaf | dan orang-orang yang rukuk (solat)

ٱلسُّجُودِ ﴿١٢٥﴾ وَإِذْ قَالَ إِبْرَٰهِۦمُ رَبِّ ٱجْعَلْ هَٰذَا بَلَدًا ءَامِنًا وَٱرْزُقْ

orang-orang yang sujud | 125 | dan ketika | berkata | Ibrahim | wahai Tuhanku | jadikanlah | ini (Mekah) | negeri | yang aman | dan berilah rezeki

أَهْلَهُۥ مِنَ ٱلثَّمَرَٰتِ مَنْ ءَامَنَ مِنْهُم بِٱللَّهِ وَٱلْيَوْمِ ٱلْـَٔاخِرِ ۖ قَالَ وَمَن كَفَرَ

pendu-duknya | dari | buah-buahan | orang yang | beriman | di antara mereka | kepada Allah | dan hari akhir | Dia berfirman | dan siapa yang | kafir

فَأُمَتِّعُهُۥ قَلِيلًا ثُمَّ أَضْطَرُّهُۥٓ إِلَىٰ عَذَابِ ٱلنَّارِ ۖ وَبِئْسَ ٱلْمَصِيرُ ﴿١٢٦﴾

maka Aku beri dia kesenangan | sedikit (sementara) | kemudian | akan Aku paksa dia | (masuk) ke dalam | azab | api neraka | dan (itulah) seburuk-buruk | tempat kembali | 126

Iqlab · Mesti berhenti · Lebih utama meneruskan bacaan · Ghunnah · Boleh berhenti
Mad Silah Tawilah · Lebih utama berhenti · Dilarang berhenti · Bila Ghunnah · Boleh berhenti pada satu tanda

120. Dan orang-orang Yahudi dan Nasrani tidak akan rela kepadamu (Muhammad) sebelum engkau mengikuti agama mereka. Katakanlah, "Sesungguhnya petunjuk Allah itulah petunjuk (yang sebenarnya)." Dan jika engkau mengikuti keinginan mereka setelah ilmu (kebenaran) sampai kepadamu, tidak akan ada bagimu pelindung dan penolong dari Allah.

121. Orang-orang yang telah Kami berikan kitab, mereka membacanya sebagaimana yang sepatutnya, mereka itulah yang beriman kepadanya. Dan barang siapa ingkar kepadanya, mereka itulah orang-orang yang rugi.

122. Wahai Bani Israel! Ingatlah nikmat-Ku yang telah Aku berikan kepadamu dan Aku telah melebihkan kamu daripada semua umat yang lain di alam ini (pada masa itu).

123. Dan takutlah kamu pada hari (ketika) tidak seorang pun dapat menggantikan (membela) orang lain sedikit pun, tebusan tidak diterima, bantuan tidak berguna baginya, dan mereka tidak akan ditolong.

124. Dan (ingatlah), ketika Ibrahim diuji Tuhannya dengan beberapa kalimah lalu dia melaksanakannya dengan sempurna. Dia (Allah) berfirman, "Sesungguhnya Aku menjadikan engkau sebagai pemimpin bagi seluruh manusia." Dia (Ibrahim) berkata, "Dan (juga) daripada anak cucuku?" Allah berfirman, "(Benar, tetapi) janji-Ku tidak berlaku bagi orang-orang zalim."

125. Dan (ingatlah), ketika Kami menjadikan rumah (Kaabah) tempat berkumpul dan tempat yang aman bagi manusia. Dan jadikanlah *maqam Ibrahim*[45] itu tempat solat. Dan telah Kami perintahkan kepada Ibrahim dan Ismail, "Bersihkanlah rumah-Ku untuk orang-orang yang tawaf, orang yang iktikaf, orang yang rukuk, dan orang yang sujud!"

126. Dan (ingatlah) ketika Ibrahim berdoa, "Ya Tuhanku, jadikanlah (negeri Mekah) ini negeri yang aman dan berilah rezeki berupa buah-buahan kepada penduduknya, iaitu di antara mereka yang beriman kepada Allah dan hari kemudian," Dia (Allah) berfirman, "Dan kepada orang yang kafir akan Aku beri kesenangan sementara, kemudian akan Aku paksa dia ke dalam azab neraka dan itulah seburuk-buruk tempat kembali."

45. Ialah tempat Nabi Ibrahim a.s berdiri ketika membina Kaabah.

127. Dan (ingatlah) ketika Ibrahim meninggikan asas Baitullah bersama Ismail (seraya berdoa), "Ya Tuhan kami, terimalah (amalan) daripada kami. Sesungguhnya, Engkaulah Yang Maha Mendengar, Maha Mengetahui.

128. Ya Tuhan kami, jadikanlah kami orang yang berserah diri kepada-Mu, dan anak-cucu kami (juga) umat yang berserah diri kepada-Mu dan tunjukkanlah kepada kami cara-cara melakukan ibadah (haji) kami dan terimalah taubat kami. Sesungguhnya, Engkaulah Yang Maha Penerima Taubat, Maha Penyayang.

129. Ya Tuhan kami, utuslah di tengah-tengah mereka seorang rasul daripada kalangan mereka sendiri yang akan membacakan kepada mereka ayat-ayat-Mu dan mengajarkan Kitab dan Hikmah kepada mereka dan menyucikan mereka. Sungguh, Engkaulah Yang Maha Perkasa, Maha Bijaksana."

130. Dan orang yang membenci agama Ibrahim, hanyalah orang yang memperbodoh dirinya sendiri. Dan sesungguhnya, Kami telah memilihnya (Ibrahim) di dunia ini. Dan sesungguhnya di akhirat dia termasuk orang-orang soleh.

131. (Ingatlah) ketika Tuhan berfirman kepadanya (Ibrahim), "Berserah dirilah!" Dia menjawab, "Aku berserah diri kepada Tuhan seluruh alam."

132. Dan Ibrahim mewasiatkan (ucapan) itu kepada anak-anaknya, demikian pula Yaakub. "Wahai anak-anakku! Sesungguhnya Allah telah memilih agama ini untukmu maka janganlah kamu mati kecuali dalam keadaan muslim."

133. Adakah kamu menjadi saksi saat maut akan menjemput Yaakub, ketika dia berkata kepada anak-anaknya, "Apa yang kamu sembah sepeninggalanku?" Mereka menjawab, "Kami akan menyembah Tuhanmu dan Tuhan nenek moyangmu, iaitu Ibrahim, Ismail, dan Ishak, (iaitu) Tuhan Yang Maha Esa dan kami (hanya) berserah diri kepada-Nya."

134. Itulah umat yang lalu. Bagi mereka apa yang telah mereka usahakan dan bagimu apa yang telah kamu usahakan. Dan kamu tidak akan diminta (pertanggungjawaban) tentang apa yang mereka kerjakan dahulu.

Hadis Sahih (ayat 128)

Ibnu Juraij berkata, Abu Zubair telah mengkhabarkan kepadaku, bahawa ia mendengar Jabir r.a. berkata, "Aku pernah melihat Nabi SAW melempar *jumrah* daripada atas kenderaan Baginda pada hari *Nahr* (penyembelihan haiwan korban/*hadyu*). Baginda bersabda, *'Lakukanlah haji kalian, sebab aku tidak tahu, barangkali aku tidak berhaji lagi sesudah hajiku ini'.*" (Hadis Riwayat Muslim, Sahih Muslim, Juz 2, No. Hadis 1297, 1412 H/1991 M: 943).

وَإِذْ يَرْفَعُ إِبْرَٰهِـۧمُ ٱلْقَوَاعِدَ مِنَ ٱلْبَيْتِ وَإِسْمَٰعِيلُ رَبَّنَا تَقَبَّلْ

dan ketika | meninggi-kan | Ibrahim | dasar-dasar | dari | rumah itu (Kaabah) | dan bersama Ismail (sambil berdoa) | wahai Tuhan kami | terimalah

مِنَّآ ۖ إِنَّكَ أَنتَ ٱلسَّمِيعُ ٱلْعَلِيمُ ﴿١٢٧﴾ رَبَّنَا وَٱجْعَلْنَا مُسْلِمَيْنِ

dari kami | sesung-guhnya Engkau | Engkau-lah | Maha Mendengar (semua perkataan) | Maha Mengetahui (semua perbuatan) | 127 | wahai Tuhan kami | dan jadikan-lah kami | dua orang yang berserah diri

لَكَ وَمِن ذُرِّيَّتِنَآ أُمَّةً مُّسْلِمَةً لَّكَ وَأَرِنَا مَنَاسِكَنَا وَتُبْ عَلَيْنَآ ۖ

kepada Engkau | dan dari | anak keturunan kami | umat | yang berserah diri | kepada Engkau | dan tunjuk-kan kami | tata cara beribadah kami | dan terima-lah taubat | atas kami

إِنَّكَ أَنتَ ٱلتَّوَّابُ ٱلرَّحِيمُ ﴿١٢٨﴾ رَبَّنَا وَٱبْعَثْ فِيهِمْ رَسُولًا

sungguh Engkau | Engkau-lah | Maha Penerima taubat | Maha Penyayang | 128 | wahai Tuhan kami | dan utuslah | kepada mereka | seorang rasul

مِّنْهُمْ يَتْلُوا۟ عَلَيْهِمْ ءَايَٰتِكَ وَيُعَلِّمُهُمُ ٱلْكِتَٰبَ وَٱلْحِكْمَةَ

dari mereka | (yang) akan membacakan | kepada mereka | ayat-ayat-Mu | dan mengajarkan kepada mereka | Kitab (al-Quran) | dan Hikmah

وَيُزَكِّيهِمْ ۚ إِنَّكَ أَنتَ ٱلْعَزِيزُ ٱلْحَكِيمُ ﴿١٢٩﴾ وَمَن يَرْغَبُ عَن

dan menyucikan mereka | sesung-guhnya Engkau | Engkau-lah | Maha Perkasa | Maha Bijaksana | 129 | dan sesiapa yang | benci | terhadap

مِّلَّةِ إِبْرَٰهِـۧمَ إِلَّا مَن سَفِهَ نَفْسَهُۥ ۚ وَلَقَدِ ٱصْطَفَيْنَٰهُ فِى ٱلدُّنْيَا ۖ

agama | Ibrahim | kecuali | orang yang | memper-bodohkan | dirinya sendiri | dan sungguh telah benar-benar | Kami memilihnya | di | dunia

وَإِنَّهُۥ فِى ٱلْءَاخِرَةِ لَمِنَ ٱلصَّٰلِحِينَ ﴿١٣٠﴾ إِذْ قَالَ لَهُۥ رَبُّهُۥٓ أَسْلِمْ ۖ

dan sesung-guhnya dia | di | akhirat | sungguh dari | orang-orang yang soleh | 130 | ketika | telah ber-firman | kepada-nya | Tuhan-Nya | berserah dirilah

قَالَ أَسْلَمْتُ لِرَبِّ ٱلْعَٰلَمِينَ ﴿١٣١﴾ وَوَصَّىٰ بِهَآ إِبْرَٰهِـۧمُ بَنِيهِ

dia berkata | aku berserah diri | kepada Tuhan | seluruh alam | 131 | dan telah berwasiat | dengannya (agama itu) | Ibrahim | (kepada) anak-anaknya

وَيَعْقُوبُ يَٰبَنِىَّ إِنَّ ٱللَّهَ ٱصْطَفَىٰ لَكُمُ ٱلدِّينَ فَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا

dan Yaakub | wahai anak-anakku | sesung-guhnya | Allah | telah memilih | untuk kamu | agama itu (Islam) | maka janganlah | sesekali kamu mati | kecuali

وَأَنتُم مُّسْلِمُونَ ﴿١٣٢﴾ أَمْ كُنتُمْ شُهَدَآءَ إِذْ حَضَرَ يَعْقُوبَ

keadaan kamu | orang-orang yang berserah diri | 132 | atau | kamu adalah | orang-orang yang menyaksikan | ketika | datang | (kepada) Yaakub

ٱلْمَوْتُ إِذْ قَالَ لِبَنِيهِ مَا تَعْبُدُونَ مِنۢ بَعْدِى قَالُوا۟ نَعْبُدُ

kematian | ketika | dia berkata | kepada anak-anaknya | apa yang | akan kamu sembah | sesudah (kematian)ku | mereka menjawab | kami akan menyembah

إِلَٰهَكَ وَإِلَٰهَ ءَابَآئِكَ إِبْرَٰهِـۧمَ وَإِسْمَٰعِيلَ وَإِسْحَٰقَ إِلَٰهًا

Tuhanmu | dan Tuhan | bapa-bapa mu | Ibrahim | dan Ismail | dan Ishak | (iaitu) Tuhan

وَٰحِدًا وَنَحْنُ لَهُۥ مُسْلِمُونَ ﴿١٣٣﴾ تِلْكَ أُمَّةٌ قَدْ خَلَتْ ۖ لَهَا

yang satu (Esa) | dan kami | kepada Allah | orang-orang yang berserah diri | 133 | (mereka) itulah | umat | sungguh | telah berlalu | baginya (balasan)

مَا كَسَبَتْ وَلَكُم مَّا كَسَبْتُمْ ۖ وَلَا تُسْـَٔلُونَ عَمَّا كَانُوا۟ يَعْمَلُونَ ﴿١٣٤﴾

apa yang | telah dia lakukan | dan bagi kamu | apa yang | telah kamu lakukan | dan tidak | kamu ditanya | tentang apa yang | mereka telah | lakukan | 134

وَقَالُوا كُونُوا هُودًا أَوْ نَصَارَىٰ تَهْتَدُوا ۗ قُلْ بَلْ مِلَّةَ إِبْرَاهِيمَ

dan mereka berkata | jadilah kamu | Yahudi | atau | Nasrani | kamu akan mendapat petunjuk | katakanlah | bahkan | agama Ibrahim

حَنِيفًا ۖ وَمَا كَانَ مِنَ الْمُشْرِكِينَ ﴿١٣٥﴾ قُولُوا آمَنَّا بِاللَّهِ وَمَا

yang lurus | dan bukan | dia adalah | dari (termasuk) | orang-orang yang musyrik | 135 | katakanlah oleh kamu | kami beriman | kepada Allah | dan apa yang

أُنْزِلَ إِلَيْنَا وَمَا أُنْزِلَ إِلَىٰ إِبْرَاهِيمَ وَإِسْمَاعِيلَ وَإِسْحَاقَ وَيَعْقُوبَ

diturunkan | kepada kami | dan apa yang | diturunkan | kepada | Ibrahim | dan Ismail | dan Ishak | dan Yaakub

وَالْأَسْبَاطِ وَمَا أُوتِيَ مُوسَىٰ وَعِيسَىٰ وَمَا أُوتِيَ النَّبِيُّونَ

dan Al-Asbat (anak cucu Yaakub) | dan apa yang | diberikan (kepada) | Musa (Taurat) | dan Isa (Injil) | dan apa yang | diberikan (kepada) | nabi-nabi

مِنْ رَبِّهِمْ لَا نُفَرِّقُ بَيْنَ أَحَدٍ مِنْهُمْ وَنَحْنُ لَهُ مُسْلِمُونَ ﴿١٣٦﴾

dari | Tuhan mereka | tidak (akan) | kami membeza-bezakan | di-antara | salah seorang | daripada mereka | dan kami (adalah) | kepada-Nya | orang-orang berserah diri | 136

فَإِنْ آمَنُوا بِمِثْلِ مَا آمَنْتُمْ بِهِ فَقَدِ اهْتَدَوْا ۖ وَإِنْ تَوَلَّوْا فَإِنَّمَا

maka jika | mereka beriman | dengan seperti | apa yang | kamu telah beriman | dengannya | maka sesungguhnya | mereka telah mendapat petunjuk | dan jika | mereka berpaling | maka sesungguhnya

هُمْ فِي شِقَاقٍ ۖ فَسَيَكْفِيكَهُمُ اللَّهُ ۚ وَهُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ

mereka | di dalam | permusuhan | maka Allah akan mencukupkan kamu terhadap mereka | dan Dia | Maha Mendengar | Maha Mengetahui

﴿١٣٧﴾ صِبْغَةَ اللَّهِ ۖ وَمَنْ أَحْسَنُ مِنَ اللَّهِ صِبْغَةً ۖ وَنَحْنُ لَهُ

137 | ṣibgah (agama) | Allah | dan siapakah | (yang) lebih baik | dari | Allah | ṣibgah (agama) | dan kami | kepada-Nya

عَابِدُونَ ﴿١٣٨﴾ قُلْ أَتُحَاجُّونَنَا فِي اللَّهِ وَهُوَ رَبُّنَا وَرَبُّكُمْ

orang-orang yang menyembah | 138 | katakanlah | patutkah kamu menghujah kami | tentang | Allah | padahal Dia | Tuhan kami | dan Tuhan kamu

وَلَنَا أَعْمَالُنَا وَلَكُمْ أَعْمَالُكُمْ وَنَحْنُ لَهُ مُخْلِصُونَ ﴿١٣٩﴾ أَمْ

dan bagi kami | perbuatan-perbuatan kami | dan bagi kamu | perbuatan-perbuatan kamu | dan kami (adalah) | kepada-Nya | orang-orang yang ikhlas | 139 | atau

تَقُولُونَ إِنَّ إِبْرَاهِيمَ وَإِسْمَاعِيلَ وَإِسْحَاقَ وَيَعْقُوبَ

kamu berkata | sesungguhnya | Ibrahim | dan Ismail | dan Ishak | dan Yaakub

وَالْأَسْبَاطَ كَانُوا هُودًا أَوْ نَصَارَىٰ ۗ قُلْ أَأَنْتُمْ أَعْلَمُ أَمِ اللَّهُ ۗ

dan Al-Asbāt (anak cucu Yaakub) | mereka adalah | Yahudi | atau | Nasrani | katakanlah | adakah kamu | lebih mengetahui | atau | Allah

وَمَنْ أَظْلَمُ مِمَّنْ كَتَمَ شَهَادَةً عِنْدَهُ مِنَ اللَّهِ ۗ وَمَا اللَّهُ

dan siapakah yang | lebih zalim | dari orang yang | menyembunyikan | kesaksiannya | di sisi-Nya | daripada | Allah | dan tidaklah | Allah

بِغَافِلٍ عَمَّا تَعْمَلُونَ ﴿١٤٠﴾ تِلْكَ أُمَّةٌ قَدْ خَلَتْ ۖ لَهَا مَا كَسَبَتْ

akan lalai | dari apa yang | kamu kerjakan | 140 | itulah | umat | sungguh | telah berlalu | baginya (pahala) | apa yang | telah dia usahakan

وَلَكُمْ مَا كَسَبْتُمْ ۖ وَلَا تُسْأَلُونَ عَمَّا كَانُوا يَعْمَلُونَ ﴿١٤١﴾

dan bagi kamu | apa yang | telah kamu usahakan | dan tidak | kamu ditanya | tentang apa yang | mereka telah | mereka lakukan | 141

Iqlab | Mesti berhenti | Lebih utama meneruskan bacaan | Ghunnah | Boleh berhenti
Mad Silah Tawilah | Lebih utama berhenti | Dilarang berhenti | Bila Ghunnah | Boleh berhenti pada satu tanda

135. Dan orang-orang Yahudi berkata (kepada orang-orang Islam): Jadilah kalian penganut yahudi nescaya kalian akan mendapat petunjuk, demikian juga orang-orang Nasrani berkata (kepada orang-orang Islam): jadilah kalian penganut Nasrani nescaya kalian akan mendapat petunjuk. Katakanlah, "(Tidak!) Tetapi (kami mengikuti) agama Ibrahim yang lurus dan dia tidak termasuk golongan orang yang mempersekutukan Tuhan."

136. Katakanlah, "Kami beriman kepada Allah, dan kepada apa yang diturunkan kepada kami, dan kepada apa yang diturunkan kepada Ibrahim, Ismail, Ishak, Yaakub dan anak cucunya, dan kepada apa yang diberikan kepada Musa dan Isa serta kepada apa yang diberikan kepada nabi-nabi daripada Tuhan mereka. Kami tidak membeza-bezakan seorang pun di antara mereka dan kami berserah diri kepada-Nya."

137. Maka jika mereka telah beriman sebagaimana kamu beriman, sesungguhnya, mereka telah mendapat petunjuk. Tetapi jika mereka berpaling, sesungguhnya mereka berada dalam permusuhan (denganmu) maka Allah mencukupkan engkau (Muhammad) terhadap mereka (dengan pertolongan-Nya). Dan Dia Maha Mendengar, Maha Mengetahui.

138. "*Sibgah* (agama) *Allah*"[46] Siapa yang lebih baik sibghahnya daripada Allah? Dan kepada-Nya kami menyembah.

139. Katakanlah (Muhammad), "Adakah kamu hendak berdebat dengan kami mengenai Allah, padahal Dia adalah Tuhan kami dan Tuhan kamu. Bagi kami amalan kami, bagi kamu amalan kamu, dan hanya kepada-Nya kami dengan tulus mengabdikan diri.

140. Atau kamu (orang-orang Yahudi dan Nasrani) berkata bahawa Ibrahim, Ismail, Ishak, Yaakub, dan anak cucunya adalah penganut Yahudi atau Nasrani? Katakanlah, "Kamukah yang lebih tahu atau Allah? Dan siapakah yang lebih zalim daripada orang yang menyembunyikan kesaksian daripada Allah[47] yang ada padanya?" Allah tidak lengah terhadap apa yang kamu kerjakan.

141. Itulah umat yang telah lalu. Baginya apa yang telah mereka usahakan dan bagimu apa yang telah kamu usahakan. Dan kamu tidak akan diminta (pertanggungjawaban) tentang apa yang mereka kerjakan dahulu.

46. Sibgah Allah, bermaksud celupan Allah,iaitu agama Allah.

47. Ialah penyaksian Allah yang disebut di dalam Taurat dan Injil bahawa Nabi Ibrahim a.s dan anak cucunya bukan penganut agama Yahudi atau Nasrani dan bahawa Allah akan mengutus Nabi Muhammad SAW.


صدق الله العظيم

PANDUAN TANDA WAQAF DAN TANDA BACAAN DALAM AL-QURAN AL-KARIM KARYA BESTARI

SIMBOL	PENGERTIAN	CONTOH AYAT
مـ	Tanda *waqaf lazim* yang menunjukkan mesti berhenti.	فَلَا يَحْزُنكَ قَوْلُهُمْ إِنَّا نَعْلَمُ مَا يُسِرُّونَ وَمَا يُعْلِنُونَ ٧٦
ج	Tanda *waqaf ja'iz* (boleh) yang menunjukkan boleh *waqaf* atau *wasal,* dan hukumnya adalah sama.	وَبَيْنَهُمَا حِجَابٌ وَعَلَى الْأَعْرَافِ رِجَالٌ يَعْرِفُونَ كُلًّا بِسِيمَاهُمْ
لا	Tanda *waqaf qabih* (tidak elok) yang menunjukkan dilarang berhenti.	لَا نَشْتَرِي بِهِ ثَمَنًا وَلَوْ كَانَ ذَا قُرْبَىٰ وَلَا نَكْتُمُ شَهَادَةَ اللَّهِ
صلى	Tanda *waqaf hasan* (baik) yang menunjukkan harus *waqaf* dan *wasal*, namun *wasal* lebih baik.	لَا شَرِيكَ لَهُ وَبِذَٰلِكَ أُمِرْتُ وَأَنَا أَوَّلُ الْمُسْلِمِينَ ١٦٣
قلى	Tanda *waqaf kafi* (cukup) yang menunjukkan harus *waqaf* dan *wasal*, namun *waqaf* lebih baik.	كُلُوا وَارْعَوْا أَنْعَامَكُمْ إِنَّ فِي ذَٰلِكَ لَآيَاتٍ لِأُولِي النُّهَىٰ ٥٤
م	Tanda *mim* kecil di atas huruf *nun* atau *tanwin* menunjukkan bacaannya *Iqlab*.	مَا جَعَلَ اللَّهُ مِنۢ بَحِيرَةٍ
س	Tanda *saktah* menunjukkan berhenti dalam kadar dua harakat tanpa mengambil nafas jika bacaan di-*wasal*-kan.	وَقِيلَ مَنْ ۜ رَاقٍ ٢٧
ـً / ـٍ	Tanda *tanwin fathah* atau *kasrah* menunjukkan bacaannya *Idgham* atau *Ikhfa.*	قُلْ أَرَأَيْتُمْ إِنْ أَصْبَحَ مَاؤُكُمْ غَوْرًا فَمَنْ يَأْتِيكُمْ بِمَاءٍ مَعِينٍ ٣٠
ـً ـٍ	Tanda *tanwin fathah* (atas) atau *kasrah* (bawah) menunjukkan bacaannya *Izhar* (jelas).	وَلَقَدْ أَرْسَلْنَا نُوحًا إِلَىٰ قَوْمِهِ إِنِّي لَكُمْ نَذِيرٌ مُبِينٌ ٢٥
ـٌ / ـٌ	Tanda *tanwin dhammah* menunjukkan bacaannya *Idgham* atau *Ikhfa.*	فِيهَا عَيْنٌ جَارِيَةٌ ١٢ فِيهَا سُرُرٌ مَرْفُوعَةٌ ١٣

ٌ	Tanda *tanwin dhammah* (di depan) menunjukkan bacaannya *Izhar*.	عُصۡبَةٌ إِنَّآ إِذٗا لَّخَٰسِرُونَ ١٤
ـ	Tanda *mad* yang menunjukkan bacaan lebih panjang daripada *Mad Asli (Mad Tabi'i)*.	لَن تُغۡنِيَ عَنۡهُمۡ أَمۡوَٰلُهُمۡ وَلَآ أَوۡلَٰدُهُم مِّنَ ٱللَّهِ شَيۡـٔٗا
؞ ؞	Tanda *waqaf ta'anuq* (*mu'anaqah*) yang menunjukkan harus *waqaf* pada salah satu tempat sahaja.	قَالُوٓاْ ءَامَنَّا بِأَفۡوَٰهِهِمۡ وَلَمۡ تُؤۡمِن قُلُوبُهُمۡۛ وَمِنَ ٱلَّذِينَ هَادُواْۛ سَمَّٰعُونَ لِلۡكَذِبِ
۟	Tanda bulat menunjukkan tidak boleh dibunyikan, sama ada ketika *wasal* mahupun *waqaf*.	إِنَّ ٱلَّذِينَ سَبَقَتۡ لَهُم مِّنَّا ٱلۡحُسۡنَىٰٓ أُوْلَٰٓئِكَ عَنۡهَا مُبۡعَدُونَ ١٠١
۠	Tanda bujur menunjukkan tidak dibaca ketika *wasal*, namun tetap dibaca ketika *waqaf*.	إِنَّ هَٰذِهِۦٓ أُمَّتُكُمۡ أُمَّةٗ وَٰحِدَةٗ وَأَنَا۠ رَبُّكُمۡ فَٱعۡبُدُونِ ٩٢
۬	Tanda ini menunjukkan bacaan *imalah* (pertengahan) atau *isymam* (memuncungkan mulut).	قَالُواْ يَٰٓأَبَانَا مَا لَكَ لَا تَأۡمَ۫نَّا عَلَىٰ يُوسُفَ وَإِنَّا لَهُۥ لَنَٰصِحُونَ ١١
●	Tanda ini menunjukkan bacaan *tashil* (meringankan).	ءَا۬عۡجَمِيّٞ وَعَرَبِيّٞ
ۡ	Tanda *sukun* (mati) menunjukkan sebutannya *zahir* (jelas).	وَٱلۡقُرۡءَانِ ٱلۡحَكِيمِ ٢
۝	Tanda tertib ayat yang menunjukkan akhir sesuatu ayat sedangkan nombor pula menunjukkan susunan bilangan sesuatu ayat.	يسٓ ١
۞	Tanda *juzuk* atau *hizb* yang menunjukkan permulaan *juzuk* atau *hizb*.	۞ مَثَلُ ٱلۡفَرِيقَيۡنِ كَٱلۡأَعۡمَىٰ وَٱلۡأَصَمِّ وَٱلۡبَصِيرِ وَٱلسَّمِيعِ
۩	Tanda *sujud tilawah* yang menunjukkan tempat yang disunahkan melakukan *sujud tilawah*.	كَلَّا لَا تُطِعۡهُ وَٱسۡجُدۡ وَٱقۡتَرِب۩ ١٩

ADAB-ADAB TERHADAP AL-QURAN

- ✓ **Membaca ta'awwuz (isti'azah) sebelum membaca al-Quran**

  "Maka apabila engkau (Muhammad) hendak membaca al-Quran, mohonlah perlindungan kepada Allah daripada syaitan yang terkutuk." (Surah al-Nahl, 16: 98).

- ✓ **Dianjurkan dalam keadaan suci ketika memegang dan membaca al-Quran**

  Daripada Ibnu Umar r.a, "Bahawa Rasulullah SAW melarang seseorang yang sedang menuju ke negeri musuh sambil membawa al-Quran, kerana khuatir al-Quran tersebut dirampas musuh." (Hadis Riwayat Muslim No. 1869).

- ✓ **Khusyuk ketika mendengar bacaan al-Quran**

  "Dan apabila dibacakan al-Quran, maka dengarkanlah dan diamlah, agar kamu mendapat rahmat." (Surah al-A'raf, 7: 204).

- ✓ **Menghayati bacaan al-Quran**

  "Maka tidakkah mereka menghayati (mendalami) al-Quran? Sekiranya (al-Quran) itu bukan daripada Allah, pastilah mereka menemukan banyak hal yang bertentangan di dalamnya." (Surah al-Nisa', 4: 82).

- ✓ **Sujud tilawah ketika membaca ayat sajdah**

  Daripada Abu Hurairah r.a, dia berkata bahawa Rasulullah SAW bersabda, *"Apabila seseorang membaca ayat sajdah lalu dia bersujud, maka syaitan menjauhi sambil menangis, dan syaitan tersebut berkata, 'Aduh celaka! Manusia diperintahkan bersujud lalu dia bersujud, maka dia mendapat syurga, sedangkan aku diperintahkan bersujud lalu aku membangkang maka aku mendapat neraka."* (Hadis Riwayat Muslim No. 81).

- ✓ **Menangis ketika membaca atau mendengar al-Quran**

  "Dan apabila mereka mendengarkan apa yang diturunkan kepada Rasul (Muhammad), kamu melihat bercucuran air mata mereka disebabkan kebenaran (al-Quran) yang telah mereka ketahui (daripada kitab-kitab mereka sendiri); sehingga berkata: 'Ya Tuhan kami, kami telah beriman, maka catatkanlah kami bersama orang-orang yang menjadi saksi (atas kebenaran al-Quran dan kenabian Muhammad SAW)." (Surah al-Ma'idah, 5: 83).

- ✓ **Membaca al-Quran dengan perlahan dan sesuai dengan kaedah tajwid**

  "Dan bacalah al-Quran itu dengan perlahan-lahan." (Surah al-Muzzammil, 73: 4).

- ✓ **Selalu membaca dan mengingati al-Quran**

  "Dan ingatlah apa yang dibacakan di rumahmu daripada ayat-ayat Allah dan hikmah (sunah Nabimu). Sungguh, Allah Maha Lembut, Maha Mengetahui." (Surah al-Ahzab, 33: 34).

- ✓ **Semakin bertambah keimanan setelah membaca atau mendengar pembacaan al-Quran**

  "Dan apabila dibacakan ayat-ayat-Nya kepada mereka, bertambah (kuat) keimanan mereka dan hanya kepada Tuhan mereka bertawakal." (Surah al-Anfal, 8: 2)

- ✓ **Mengamalkan kehidupan berlandaskan al-Quran**

  "Maka berpegang teguhlah engkau kepada (agama) yang telah diwahyukan kepadamu. Sungguh, engkau berada di jalan yang lurus." (Surah al-Zukhruf, 43: 43).

JUZ 1

Resam Uthmani Bahasa Melayu

AL-QURAN AL-KARIM

TERJEMAHAN PERKATA & TAJWID BERWARNA

AL-QURAN PERKATA KAEDAH BERWARNA

Al-Quran Terjemahan Perkata Berwarna yang Tidak Terpisah Pada Ayat dan Lebih Mudah Dibaca



AR-RIYADH

Saiz B5 SEDANG

Al-Quran Terjemahan Perkata Berwarna yang Tidak Terpisah Pada Ayat

Dilengkapi dengan Asbabunnuzul, Hadis Sahih, Riyadus Salihin, dan Kamus Bahasa Al-Quran

AL-QURAN PER JUZUK



KARYA BESTARI